

Sekata

JURNAL
BAHASA &
PERSURATAN

2024



Majlis Bahasa Melayu Singapura

Jawatankuasa Sekata

Jurnal Bahasa & Persuratan 2024

PENASIHAT

Encik Mohd Fahmi Aliman

PENGERUSI

Dr Noridah Kamari

TIMBALAN PENERUSI

Zubaidah Mohsen

KETUA EDITOR

Suraidi Sipan

PANEL EDITOR

Siti Fazila Ahmad

Djohan Abdul Rahman

Nur-El-Hudaa Jaffar

NARA SUMBER

Prof Madya Emeritus Dr Hadijah Rahmat

Prof Madya Dr Lim Beng Soon

Dr Norshahril Saat

Hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang.
Buku ini atau mana-mana bahagiannya tidak dibenarkan diterbitkan semula, ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) atau dipancar walau melalui sebarang cara sekalipun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis pihak penerbit terlebih dahulu.

Judul: Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan

Format: Cetak

ISSN: 2630-4589

Diterbitkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura

Direka bentuk oleh Studiolog

Sekapur Sireh

Seulas Pinang

Pembaca yang budiman,

Jurnal *Sekata* terus memainkan peranan penting dalam memberikan akses kepada perkembangan terkini, trend dan perdebatan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan bahasa, budaya dan kesusasteraan. Setiap penyumbang artikel yang disorotkan dalam edisi ini mampu menyediakan satu bentuk komunikasi ilmiah yang penting yang membolehkan pengetahuan dikongsi, diperdebatkan dan diperkembangkan dalam kalangan pembaca.

Selaku pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang baru dilantik, saya akan memberikan sokongan padu kepada Jawatankuasa *Sekata* untuk menyajikan bahan-bahan bacaan yang bermutu yang sekali gus dapat memperkaya landskap intelektual pembaca setempat.

Dalam saya memperkatakan perihal persuratan, sememangnya tidak dilupakan pemergian sasterawan negara Pak Suratman Markasan yang berpulang pada Februari tahun ini. Melalui penceritaan yang luar biasa dan pandangan yang mendalam, beliau telah memukau dan memberi inspirasi kepada ramai pembaca sepanjang generasi. Beliau juga menyumbang selaku Ketua Editor jurnal *Sekata*. Kini, jawatan yang dikosongkan diambil alih oleh Cikgu Suraidi Sipan, mantan pendidik yang terus giat menyumbang dalam bidang persuratan di Singapura. Saya yakin, Cikgu Suraidi mampu membimbing panel editor dengan kepakaran dan pengalaman beliau.

Bidang persuratan setempat juga kehilangan Puan Noor Hasnah

Adam, penulis berbakat yang pernah menerima Anugerah Harapan dalam Majlis Anugerah Persuratan pada tahun 2009 dan Anugerah Penulis Muda MASTERA pada tahun 2013. Beliau berpulang pada Disember 2023. Seterusnya, kami dikejutkan lagi dengan pemergian Encik Juffri Supa'at pada bulan April 2024, pustakawan dan penyair yang giat menyumbang kepada bahasa dan kesusasteraan Melayu. Beliau juga pernah menerajui sekretariat MBMS.

Namun demikian, usaha untuk menyemarakkan bidang persuratan tanah air harus digagahi. Wadah untuk penulis berkomunikasi, berekspresi dan mendokumentasikan maklumat harus diwujudkan. Penulisan sebagai wahana untuk mengungkapkan pemikiran, emosi dan idea sama ada dalam konteks akademik, profesional atau kreatif harus diperhebat agar pembelajaran dan pemahaman manusia terus diperkaya.

Seperti tahun-tahun yang sudah, kami juga menyokong seniman setempat untuk menghiasi kulit jurnal *Sekata*. Lukisan kali ini yang berjudul

'Bumi Tanpa Tanah' dihasilkan oleh Khairulddin Wahab.

Harapan ikhlas saya kepada pembaca sekalian, semoga jurnal *Sekata* menjadi salah satu sumber pembacaan yang bermutu yang dapat merangsang introspeksi dan dialog dalam kalangan anda.



Encik Mohd Fahmi Aliman

Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura dan
Penasihat Jawatankuasa
Jurnal *Sekata*

Tinta *Pengerusi*

Perjalanan Jurnal Sekata tahun ini bermula dengan khabar duka dengan pemergian Allahyarham Cikgu Suratman Markasan ke negeri abadi. Cikgu Suratman tegar menjalankan tugas selaku ketua editor dengan penuh semangat dan istiqamah. Perjuangannya menjadi inspirasi kepada seluruh komuniti penulis setempat untuk terus menghasilkan karya-karya bermutu dan bernilai sebagai sumbangan kepada masyarakat.

Dalam jarak beberapa bulan itu, komuniti sastra juga kehilangan dua nama besar iaitu Allahyarhamah Cikgu Noor Hasnah Adam dan Allahyarham Encik Juffri Supa'at. Kehilangan demi kehilangan ini ternyata membentuk kekosongan yang sukar diganti.

Tugas membina komuniti yang membaca dan menulis memerlukan kesepaduan dari pelbagai sudut, bukan sahaja penulis dan pembaca, tetapi penerbit, penyunting dan penterjemah yang bertindak sebagai piawai dan benteng yang memisahkan antara karya dengan audiens.

Jurnal Sekata kali ini menerima sumbangan pemikiran daripada Dr Nazry Bahrawi selaku penterjemah karya sastra yang disegani. Beliau berkongsi tentang pengalaman dan proses penterjemahan yang beliau lalui. Pandangan para penerbit Melayu

di Singapura turut menghiasi ruangan Suara Masyarakat dengan perkongsian terhadap kepentingan buku kepada masyarakat, serta visi yang terkandung dalam usaha-usaha penerbitan di Singapura.

Benteng pemisah antara karya dengan audiens semakin menipis dalam era teknologi tinggi yang mana pempengaruh memainkan peranan menyampaikan maklumat. Hal ini dikemukakan oleh Djohan Abdul Rahman dalam artikelnya tentang kewujudan pempengaruh dalam era digital. Seiring dengan itu, keterampilan diperlukan untuk menyampaikan informasi dengan berkesan. Nursha Ismail, duta bahasa dan personaliti TV yang tidak asing lagi, berkongsi pengalaman dan panduan untuk meningkatkan keyakinan ketika berdepan dengan audiens.

Pengalaman peribadi dalam pembinaan karya pula disampaikan oleh penerima Anugerah Tun

Seri Lanang, Jamal Ismail. Annur Munirah memberi suara kepada persatuan-persatuan sastra dan budaya yang bernaung di institusi-institusi tinggi di Singapura.

Dalam lapangan kajian sastra dan budaya, Rashikin Rajah mengkaji tentang kegunaan dan pemaparan bunga dalam teks sastra. Amirul Hakim menyorot susuk Munshi Abdullah sebagai seorang budayawan dari pelbagai sudut.

Menyentuh tentang budaya, Norazam Hakub mengkaji tentang paluan dalam seni dikir barat.

Seni lukisan turut diberi penghormatan melalui pemaparan karya seniman Khairulddin Wahab sebagai kulit jurnal kali ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada para penulis dan penyumbang, para penyunting dan semua individu yang terlibat dalam penerbitan jurnal Sekata pada tahun ini.



Dr Noridah Kamari

Pengerusi
Jurnal Sekata 2024

Salam *Muhibah*

Salam muhibah kepada dunia kebudayaan bangsa Melayu. Bahasa itu umpama nyawa kepada bangsa. Tanpa bahasa, tubuh bangsa itu akan mati menjadi bangkai lalu pupus.

Adapun bangsa yang merendahkan bahasanya sendiri, ia umpama mendedahkan aibnya sendiri. Bangsa yang sudah mati bahasanya, ia pula umpama bangkai yang membusuk dan tidak memberi manfaat kepada kehidupan.

Hari ini, banyak keluhan yang sering disuarakan oleh pemimpin, budayawan, sasterawan dan penggiat pertubuhan seni budaya serta persuratan Melayu tanah air. Perkaranya adalah perihal peranan bahasa Melayu yang semakin merosot dan terhakis penggunaannya sebagai bahasa perhubungan dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura.

Kebimbangan ini memanglah beralasan disebabkan sebahagian besar generasi Melayu ketika ini kurang sekali menggunakan bahasa Melayu ketika berinteraksi sesama mereka. Seharusnya, bahasa Melayu turut sama berkembang sejak negara Singapura mencapai kemerdekaan sehingga kini tetapi ia terjadi sebaliknya.

Sejak berakhirnya pendidikan sekolah aliran Melayu di Singapura pada awal 1980-an, bahasa Melayu umpama 'Bunga kembang tak jadi'. Ia mengalami kemerosotan yang sangat mengkhawatirkan.

Seluruh golongan masyarakat

Melayu daripada pelbagai peringkat seharusnya mengambil tanggungjawab bersama bagi meningkatkan kembali penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan dalam kalangan masyarakat Melayu itu sendiri. Keluhan tidak akan dapat menyelesaikan permasalahan ini. Iltizam dan ketekalan menjadi kunci utama dalam mencari huraian dan penyelesaiannya.

Kepada para cendekiawan Melayu yang sering menjadi contoh teladan yang baik semestinya tampil menyampaikan kearifannya kepada bangsa. Jadilah seperti udara segar yang meyumbang kepada paru-paru dan denyut jantung kehidupan agar tumbuh membangun dan berkembang ke seluruh ruang tanpa batas.

Tidak berlebihan jika dikatakan pada suatu ketika dahulu, Singapura sering menjadi pusat perhimpunan para tokoh penggerak bahasa dan persuratan Melayu dan juga agama Islam di rantau ini. Malah tokoh-

tokoh penggerak kemerdekaan juga aktif bergiat di sini.

Persoalannya; apakah kita masyarakat Melayu ketika ini tidak mampu untuk menggerakkan kembali dengan menjadikan negara Singapura sebagai pusat perhimpunan perbincangan bahasa, persuratan dan seni budaya di rantau ini? Bukankah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan.

Setiap tahun kita mengadakan kegiatan Bulan Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh MBMS. Pelbagai kegiatan silih berganti dalam kesenian budaya, persuratan dan bahasa dengan tujuan memberikan pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat Melayu khususnya. Bahkan diadakan pengurniaan dan pengikhtirafan anugerah sebagai tanda kejayaan dalam persuratan, budaya dan bahasa.

Kegiatan ini hendaknya tidak menjadi kegiatan musiman yang hanya muncul setahun sekali. Ia semestinya memberi kesan yang mendalam dan penuh bermakna kepada seluruh masyarakat Melayu untuk membangkitkan semangat jati diri sebagai bangsa Melayu.

Perjuangan memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura masih jauh dan penuh cabaran. Seluruh masyarakat Melayu harus bahu-membahu berusaha menghidupkan kembali peranannya. Insya-Allah.

Hidup bahasa hiduplah bangsa!



Cikgu Suraidi Sipan

Ketua Editor
Jurnal Sekata 2024

PENASIHAT



Encik Mohd Fahmi Aliman

Jawatankuasa *Sekata*

Jurnal Bahasa & Persuratan 2024

PENGURUSI



Dr Noridah Kamari

PANEL EDITOR



Siti Fazila Ahmad

NARA SUMBER

Prof Madya Emeritus
Dr Hadijah Rahmat

TIMBALAN PENGURUSI



Zubaidah Mohsen



Djohan Abdul Rahman

Prof Madya
Dr Lim Beng Soon

KETUA EDITOR



Suraidi Sipan



Nur-El-Hudaa Jaffar



Dr Norshahril Saat



6

Seni Membawa Makna dan Falsafah
Khairulddin Wahab

Kandungan



10

Kegunaan Bunga
oleh Masyarakat
Nusantara
Rashikin Rajah



16

Kewujudan
Pempengaruh
pada Era Digital
Djohan A Rahman




22

Keterampilan:
Cermin Peribadi
Seseorang
Nursha Ismail



28

Paluan Dikir Barat:
Seni Muzik
yang Merakyat
Mohamed Norazam Hakub



34

Membawa
Sastera Melayu
ke Persada Dunia
Dr Nazry Bahrawi



40

Sebuah
Perjalanan Seni
Jamal Ismail



46

Memintal Lensa:
Menyingkap Sisi Budayawan
Munshi Abdullah
Amirul Hakim



52

Peranan Persatuan Sastera
dalam Kalangan
Mahasiswa di Universiti
Annur Munirah



57

Suara
Masyarakat:
Tukang Bikin Buku

Khairulddin Wahab:

Seni Membawa Makna dan Falsafah

Khairulddin Wahab ialah seorang pelukis yang namanya semakin dikenali dalam dunia seni rupa, baik di Singapura mahu pun di peringkat antarabangsa. Dengan karya yang sarat dengan simbolisme budaya, sejarah dan falsafah, beliau telah membentuk naratif seni yang unik dan penuh bermakna. Dalam artikel ini, kita akan menyelami perjalanan seni Khairulddin, inspirasi beliau, dan falsafah di sebalik karya-karyanya.

Perjalanan Awal Sebagai Seorang Pelukis

Khairulddin memulakan kerjaya seninya secara tidak dirancang. Selepas menamatkan pengajian seni di peringkat tinggi, beliau menyedari potensi dirinya sebagai seorang artis apabila memenangi pertandingan UOB Painting of the Year pada tahun 2018. Kejayaan ini menjadi titik tolak penting yang mendorong beliau untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada seni lukisan.

Sebagai seorang pelukis, Khairulddin tidak hanya mengejar estetika semata-mata, tetapi juga makna dan falsafah di sebalik setiap karya yang dihasilkannya. Pengalaman awalnya sebagai pelukis dan perjalanan akademiknya menjadi asas penting dalam membentuk gaya dan identitinya sebagai seorang seniman.

Inspirasi karya

Inspirasi Khairulddin datang daripada pelbagai sumber, termasuk buku-buku

yang dibacanya. Beliau mempunyai minat mendalam terhadap sejarah, antropologi dan teori budaya. Bacaan ini menjadi pemangkin idea-idea baharu yang diterjemahkan oleh beliau ke dalam kanvasnya. Selain itu, inspirasi visualnya datang daripada budaya material masyarakat Melayu, seperti seni tekstil dan ukiran kayu.

Menurut beliau, "Saya mendapat inspirasi daripada budaya material Melayu seperti tekstil dan ukiran kayu. Sudah tentu, saya juga memerhatikan karya seniman lain, baik yang lampau mahupun kontemporari, untuk belajar daripada mereka." Pernyataan ini menunjukkan bagaimana Khairulddin menggabungkan warisan budaya dengan perspektif moden dalam karyanya.

Khairulddin juga banyak dipengaruhi oleh landskap dan persekitaran tropika di sekelilingnya. Setiap elemen ini memberikan dimensi baharu kepada karya-karyanya, yang sering mencerminkan hubungan manusia dengan alam dan budaya sekeliling.



Lukisan “Bumi Tanpa Tanah” mencerminkan tema sejarah penjajahan dan bagaimana sains kolonial, seperti kartografi dan geografi, mempengaruhi pandangan terhadap tanah dan budaya tempatan.



Seni membuka dunia dan cara ekspresi baharu,” kata Khairulddin. Falsafah ini menjelaskan mengapa karya-karya beliau sering merangkumi unsur-unsur yang menjangkau visual, membawa dimensi emosi dan intelektual.

Falsafah Seni

Bagi Khairulddin, seni adalah cerminan jiwa artis serta persekitaran dan masa yang mana seseorang itu berada. Beliau percaya bahawa seni ialah medium ekspresi yang tidak dapat ditandingi oleh medium lain, seperti muzik atau sastera.

"Seni membuka dunia dan cara ekspresi baharu," katanya.

Falsafah ini menjelaskan mengapa karya-karya beliau sering merangkumi unsur-unsur yang menjangkau visual, membawa dimensi emosi dan intelektual.

Khairulddin juga melihat seni sebagai sebahagian daripada sifat semula jadi manusia. Beliau menegaskan bahawa kreativiti ialah ciri unik manusia yang membezakan kita daripada makhluk lain.

"Seni dan kreativiti ialah asas kepada semangat manusia," ujar beliau.

Karya ikonik: "Bumi Tanpa Tanah"

Salah sebuah karyanya yang paling terkenal ialah lukisan "Bumi Tanpa Tanah" atau "Land Without Soil". Karya ini mencerminkan tema sejarah penjajahan dan bagaimana sains kolonial, seperti kartografi dan geografi, mempengaruhi pandangan terhadap tanah dan budaya tempatan. Dalam lukisan ini, terdapat sosok seorang lelaki yang memegang alat yang sering disalah anggap sebagai kamera, tetapi sebenarnya adalah *theodolite*, iaitu alat yang digunakan untuk mengukur sudut secara mendatar dan menegak semasa kerja-kerja pemetaan tanah.

"Alat *theodolite* ini saya lihat sebagai metafora untuk proses penyahmagiaan atau menghapuskan pesona terhadapnya. Melalui alat ini, manusia melihat bumi melalui kanta sains dan matematik, maka segala sejarah dan makna bumi dari sudut abstrak disisihkan," jelas Khairulddin. Beliau merujuk kepada bagaimana sains kolonial sering menghapuskan kepercayaan asli, mitos dan cerita rakyat yang menjadi asas kepada imaginasi budaya Asia Tenggara.



Walaupun saya membincangkan tema *sejarah alam sekitar*, karya saya juga berkait dengan idea falsafah yang lebih besar, seperti *dekolonisasi, magis dan penyahmagiaan.*"

Khairulddin Wahab



Lukisan ini mendapat inspirasi daripada cetakan Heinrich Leutemann yang bertajuk "Interrupted Road Surveying in Singapore," sebuah karya dalam koleksi nasional Singapura. Melalui "Bumi Tanpa Tanah," Khairulddin membawa perbincangan tentang kehilangan pesona yang dibawa oleh kolonialisme terhadap budaya tempatan.

Khairulddin menegaskan bahawa simbolisme dalam karyanya bukan sahaja bertujuan untuk mencabar naratif kolonial, tetapi juga untuk memperingati kebijaksanaan tradisional dan warisan budaya lokal yang sering diabaikan. Hal ini menjadikan "Bumi Tanpa Tanah" sebagai karya yang kaya dengan makna dan relevan dengan perbincangan masa kini.

Hubungan Seni dengan Alam dan Budaya

Walaupun karya Khairulddin banyak memaparkan landskap, flora dan fauna, beliau tidak mengklasifikasikan karyanya sebagai seni ekologi atau *eco art*. Sebaliknya, elemen-elemen ini mencerminkan persekitaran tropika. "Walaupun saya membincangkan tema sejarah alam sekitar, karya saya juga berkait dengan idea falsafah yang lebih besar, seperti dekolonisasi, magis dan penyahmagiaan," kata Khairulddin.

Pendekatan ini menunjukkan bagaimana beliau menghubungkan tema-tema alam semula jadi dengan isu-isu falsafah dan budaya yang lebih luas. Khairulddin berjaya menggunakan seni sebagai platform untuk

menyuarakan pandangannya tentang isu-isu global dan tempatan, mencabar cara kita melihat hubungan antara manusia, alam dan budaya.

Khairulddin juga menekankan bahawa seni bukan sekadar mencerminkan realiti, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk mencipta imaginasi baharu tentang dunia. Dalam setiap karya, beliau cuba menggambarkan hubungan kompleks antara sejarah, identiti dan masa depan.

Seni Sebagai Ekspresi Universal

Khairulddin percaya bahawa seni ialah bahasa universal yang mampu menembusi batasan bahasa dan budaya. "Seni ialah medium ekspresi yang membolehkan kita berkomunikasi dalam cara yang tidak dapat disampaikan dengan kata-kata atau ucapan," katanya. Beliau melihat seni sebagai alat untuk menyampaikan idea, emosi dan makna yang kompleks.

Selain itu, Khairulddin juga menegaskan bahawa menghargai estetika seni memberikan kegembiraan dan kepuasan. Beliau percaya bahawa seni adalah sebahagian penting daripada kehidupan manusia dan memainkan peranan dalam memperkayakan jiwa serta membina pemahaman antara budaya.

"Menghargai seni adalah seperti memahami diri sendiri," katanya. Pandangan ini mencerminkan kepercayaan beliau bahawa seni boleh menjadi refleksi jiwa manusia, mencerminkan harapan, ketakutan dan aspirasi kita.

Alat dan Teknik Lukisan

Dalam proses kreatifnya, Khairulddin sering menggunakan cat akrilik pada kanvas. Beliau menerangkan bahawa teknik ini memberikan fleksibiliti dan kebebasan untuk bereksperimen dengan pelbagai tekstur dan lapisan. Contohnya, dalam karya "Bumi Tanpa Tanah", beliau menggunakan akrilik untuk mencipta kesan visual yang menonjolkan tema-tema falsafah dan sejarah yang ingin disampaikannya.

Proses kreatif Khairulddin melibatkan penyelidikan yang mendalam dan refleksi yang panjang. Setiap karya dihasilkan dengan perhatian yang teliti terhadap butiran, simbolisme dan konteks budaya. Pendekatan ini memastikan bahawa setiap karya membawa makna yang mendalam dan relevan kepada penonton.

Seni sebagai warisan dan inspirasi

Khairulddin Wahab adalah contoh bagaimana seni boleh menjadi medium untuk menyuarakan pandangan, memperjuangkan identiti budaya dan mencabar norma. Melalui karya-karyanya, beliau bukan sahaja menggambarkan keindahan visual tetapi juga membawa mesej yang mendalam tentang sejarah, falsafah dan hubungan manusia dengan alam.

Dalam dunia seni rupa yang semakin berkembang, Khairulddin terus menjadi suara yang penting, menghubungkan tradisi dengan modeniti melalui kanvasnya. Beliau membuktikan bahawa seni bukan sekadar estetika tetapi juga alat untuk memahami dunia dengan lebih mendalam. Seperti kata Khairulddin, "Seni adalah cerminan jiwa dan persekitaran artis," dan melalui karyanya, jiwa dan pandangan beliau terus hidup dan memberi inspirasi kepada masyarakat. **S**

Proses kreatif Khairulddin melibatkan penyelidikan yang mendalam dan refleksi yang panjang. Setiap karya dihasilkan dengan perhatian yang teliti terhadap butiran, simbolisme dan konteks budaya.

Harum Semerbak Bunga Sekuntum: *Kegunaan Bunga oleh Masyarakat Nusantara*

Rashikin Rajah



Semasa saya melancong ke Jepun baru-baru ini, kelihatan bunga-bunga sakura bertaburan selepas ditimpa hujan semalaman. Terlalu cantik dan indah bau wangi kelopak bunga sakura mengharumkan seluruh taman. Terlintas di fikiran saya tentang sajak-sajak yang pernah menggunakan perlambangan bunga sebagai sesuatu yang indah.

Masuri S.N merupakan seorang cendekiawan yang disegani kerana banyak menyumbangkan pemikiran yang bermutu tinggi. Beliau menulis sajak "Bunga Sakura" yang diterbitkan bersama "Ros Kupuja" ¹ pada tahun 1944, yang mempunyai bait-bait yang menyentuh perasaan, seperti berikut;

*Ah! Sukmaku ragu tertanya-tanya
Apakah tak salah penglihatan
Kabuskah atau awan
Lantaran kembang mekar
Bak kapas dibusar*

Masuri menggunakan ketajaman minda untuk menghasilkan sajak patriotik, yang mana beliau mengumpamakan keindahan dengan bunga tempatan Jepun, walaupun pada dasarnya, beliau ingin menaikkan semangat anak muda Melayu untuk bangkit berjuang menentang penjajah. Antara bait sajak yang menarik;

*Disinari matahari pagi
Indah berseri menawan hati
Ah! Bunga Sakura pujaan perwira
Berkembangan **semerbak** ke mana-mana*

Bunga sakura yang harum membawa pengertian bahawa kekuasaan haruman ini dalam menyusuk ke seluruh taman dan ia akan dikenang selamanya. Keharuman adalah sesuatu aspek keindahan yang jarang kita bahaskan.

Fungsi Keharuman Bunga dalam Imajinasi Masyarakat Melayu

Bunga sakura amat sinonim dengan keharumannya yang melingkari tempat ia bertaburan, selepas gugur ditiup angin. Terhasil banyak minyak wangi yang menggunakan pati bunga sakura sebagai bahan asas. Ia terpahat dalam *psyche* Jepun, yang mana konsep *yamato-damashii* 大和魂 (Terjemahan: hati dan budi orang Jepun) selalu saling mengingati kebudayaan dan semangat kesepaduan

Jepun yang unik. Bunga sakura selalu menjadi sumber inspirasi untuk pengkaryaan seni sastera, lukisan dan muzik yang sering digunakan sebagai modal untuk meraikan semangat ini (Soo, 2023).

Sama seperti masyarakat Melayu di Nusantara. Memori terindah selalunya dikaitkan dengan haruman bunga. Begitulah kehendaknya dengan sifat bunga. Sekiranya ingin menjadi indah, haruslah berbau wangi. Jika bunga itu tidak berbau wangi, walaupun berwarna menarik, ia tidak dapat melengkapi estetika idaman yang didambakan masyarakat Melayu. Bunga dan haruman berpisah tiada. Bunga selalunya digambarkan sebagai sesuatu yang indah, yang ingin disunting oleh kaum Adam.

Dalam adat Melayu, pantun-pantun yang menggunakan pembayang bunga di taman yang disunting selalu digunakan untuk merisik dan meminang anak dara orang. Sebagai contoh,

*Taman bunga depan halaman,
Anak dara tinggalkan pesan;
Harum sungguh bunga di taman,
Ingin ku sunting buat hiasan.*

Dalam kekayaan budaya Melayu, menggunakan rangkap pantun sebagai pengganti bicara menunjukkan ketinggian ilmu budi bicara seseorang itu. Ia menunjukkan kepekaan pembicara tentang keindahan alam sekitar dan mempamerkan ketinggian adab beliau menghormati orang yang disantuni. Hal ini juga bersesuaian dengan acara majlis yang selalunya dialu-alukan dengan pantun empat kerat dan diakhiri dengan pantun yang serupa. Selalunya, bunga-bunga digunakan sebagai modal untuk pembayang, dan akan terimbas memori manis yang akan menggigit

Perkara yang indah akan sentiasa dicari manusia dan *kesempurnaan ini akan didambakan untuk pedoman hidup.* Dalam pencarian pasangan hidup, kesempurnaan ini juga akan menjadi bekalan untuk kebahagiaan yang azali yang akan membawa rahmat di alam berumah tangga.

perasaan para penonton. Sebagai contoh, bunga melati yang harum mewangi sering dikaitkan dengan keindahan alam. Seperti contoh;

Melati kuntum tumbuh melata,
Sayang merbah di pohon cemara;
Assalamualaikum mulanya kata,
Saya sembah pembuka bicara.

Pantun yang digunakan sebagai pemanis majlis penutup memanfaatkan bunga sebagai pembayang, seperti berikut;

Bunga **dedap** di atas para,
Anak Dusun pasang pelita;
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.

Memang tidak dinafikan bahawa bentuk pantun yang lengkap dengan pembayang membawa keindahan di dalam sfera alam Melayu, namun keunikan pantun-pantun Melayu menggunakan bunga sebagai perlambangan sesuatu yang indah menunjukkan keindahan alam tidak dipandang remeh oleh masyarakat setempat. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000:106) dalam perbincangan beliau tentang konsep keindahan di ruang sastera,

... estetika jelas menjadi sebahagian daripada pemikiran kesenian manusia Melayu, yang terbayang dalam hikayat, pemerian keajaiban taman, tekstil, burung-burung, canda peti, pantai yang putih bersih, istana yang luas dan cantik. Yang indah itu dicari kerana keupayaannya membawa khalayak kepada sesuatu nikmat yang lebih tinggi, kepada bayangan pengalaman luar biasa, yang mungkin hanya terdapat di kayangan sastera.

Perkara yang indah akan sentiasa dicari manusia dan kesempurnaan ini akan didambakan untuk pedoman hidup. Dalam pencarian pasangan hidup, kesempurnaan ini juga akan menjadi bekalan untuk kebahagiaan yang azali yang akan membawa rahmat di alam berumah tangga. Dari itu, datuk dan nenek kita selalu berpesan untuk mencari pasangan yang berakhlak tinggi dan bukan menilai kecantikan daripada luaran sahaja. Biduan negara, Allahyarham S.M. Salim sering mendendangkan lagu-lagu berirama tradisional yang mempunyai unsur nasihat untuk mencari pasangan. Lagu "Angan-angan Kosong Be" membawa mesej penting ini. Liriknyanya antara berikut;

Apalah guna cantiknya rupa
Kalau di hati tidak berbudi
Apalah guna cantiknya rupa
Kalau di hati tidak berbudi

Ibarat bunga tidak berbuah
Bila dah layu tak guna lagi
Ibarat bunga tidak berbuah
Bila dah layu tak guna lagi

Walaupun bunga itu kelihatan cantik, tetapi ia juga akan gugur bila layu. Perumpamaan ini digunakan untuk menilai cantiknya wajah seseorang itu tidak akan kekal kerana yang cantik akan tua, dan yang tua akan layu. Kelayuan ini akan menggambarkan kekurangan kecantikan yang dahulunya didambakan dan diidamkan. Namun begitu, keharuman akan kekal di dalam benak manusia apabila ia diingat.

Seperti istilah *transient life* atau kehidupan yang tidak kekal dalam falsafah Jepun, kehidupan ini haruslah dijalani dengan sebaiknya sebelum kita berpulang. Semasa hidup, kita haruslah menjadi orang yang baik dan mempamerkan keindahan budi pekerti. Begitulah perumpamaan sifat hidup berbudi pekerti dan berperangai elok di alam Melayu. Sekiranya seseorang itu berakhlak baik, maka seumur hidup, jasanya akan dikenang seperti bau yang harum.

Bunga yang harum seperti bunga tanjung, akan diingat dan dikenang. Lirik lagu "Bunga Tanjung" dendangan Allahyarham S.M. Salim dijadikan modal untuk menceritakan tentang keindahan ini.

Bungalah tanjung putih berseri
Dipakailah oleh
Dipakailah oleh si tuan puteri


Hiasan disanggul kanan dan kiri
Menambahkan cantik
Menambahkan cantik dipandang berseri

Bungalah tanjung kembang tak jadi
Jatuh berserak
Jatuhlah berserak di tengah halaman

Hancurlah hati keranalah budi
Budi yang sedikit
Budi yang sedikit jadi idaman
Bunga tanjung ini lagunya

Mengikut hukum alam, bunga akan layu dan gugur ke bumi tetapi jasanya sebagai pengharum rambut di sanggul

Bunga dedap pula sering diumpamakan sebagai bunga yang hanya *cantik merah menyala, tetapi tidak dikenang jasa baiknya.* Mungkin kerana ia tidak berbau, tidak berguna, dan cuma mengharapkan kecantikan luarannya sahaja.



tuan puteri akan dikenang sampai bila-bila. Inilah keindahan yang harus ada dalam sifat manusia, iaitu seseorang itu haruslah menjadi orang yang berguna untuk masyarakat dan bukan hanya bergantung kepada cantiknya wajah yang akan pudar ditelan zaman.

Bunga dedap pula sering diumpamakan sebagai bunga yang hanya cantik merah menyala, tetapi tidak dikenang jasa baiknya. Mungkin kerana ia tidak berbau, tidak berguna, dan cuma mengharapkan kecantikan luarannya sahaja. Keindahan bahasa boleh dilihat di sini, yang mana, keharuman bunga merupakan aspek yang penting selain keindahan luaran. Ini samalah seperti manusia, yang harus berperwatakan baik dan jangan hanya bergantung pada wajahnya yang elok. Seperti lagu dendangan penyanyi popular Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris dalam lagu "Lenggang Lenggok".

Resah jangan diharap pagi yang cerah
Bawa bersenda
Usah bagaikan **dedap** sungguh pun merah
Harum tiada

Bunga dedap diperlambangkan sebagai bunga yang tidak penting. Hal ini dapat dilihat dalam pantun merendah diri seperti berikut,

*Tarik dayung berderap-derap,
Hendak melawan sampan kotak,
Saya umpama bunga **dedap**,
Sungguh merah berbau tidak*

(Hassan, 2010:76-81)

Walaupun bunga dianggap indah di alam flora Melayu, keharuman bunga ialah kayu ukur untuk menilai estetikanya. Keharuman bunga penting dalam imaginasi alam Melayu dan ia akan mengilhamkan penulisan sastera yang baik seperti yang telah dilakukan oleh Masuri S. N. dan lagu-lagu dendangan S. M. Salim. Hal ini diakui dalam bidang sosiologi. Menurut Kelvin Low (2009:36-38), penghasilan karya seni merupakan hasil ciptaan imaginasi penulis menerusi pengalaman deriaan bau yang telah dilalui beliau.

"Analyses of embodied experience through smell as a medium is undertaken by locating local narrative recounts through language as a tool of description where writing becomes the medium used in representing sensorial and embodiment experiences."

Penggunaan deria bau untuk mencerminkan keindahan dapat dizahirkan melalui penulisan lirik dan sajak untuk merakamkan pengalaman indah yang telah dirasakan penulis. Keharuman bunga merupakan aspek penting dalam pembangunan pemikiran estetika penulis. Dari itu, nilai baik hati merupakan sesuatu yang harus dipupuk untuk melengkapkan keindahan dalam diri seseorang.

Bunga ialah simbol kepada kaum hawa kerana ciri-ciri yang terdapat pada bunga adalah lembut, cantik, harum dan berjaya memukau pandangan sesiapa sahaja yang



Foto: Freepik

...jika seseorang itu hanya memberikan tumpuan untuk *kelihatan cantik di mata sahaja tanpa mengamalkan budi perkerti yang baik, dia ibarat bunga yang tidak harum*, dan penilaian estetikanya tidak elok. Hal ini banyak terkandung dalam karya sastera Melayu melalui penggunaan pantun-pantun dan lagu-lagu berirama tradisional.

melihatnya. Oleh yang demikian, bunga memenuhi konteks seorang wanita kerana keindahan yang dimiliki oleh bunga berjaya menarik minat kumbang (lelaki). Ciri yang harus diberi perhatian ialah keharuman yang membawa maksud keperibadian yang baik, dan harus diberikan penekanan dalam pemilihan pasangan.

Kegunaan Bunga Sebagai Bahan Terapi

Selain itu, bunga juga merupakan bahan yang sering digunakan untuk terapi, amalan ritual, dan perubatan. Pelbagai kegunaan bunga dalam alam Melayu. Fungsi bunga

di alam Melayu telah banyak ditulis oleh cendekiawan Melayu untuk menunjukkan peri pentingnya bunga dalam kehidupan masyarakat Melayu. Namun, apa yang jarang ditemukan adalah tentang harum bunga di alam Melayu. Di Barat, *olfactory arts* (kesenian bau) telah lama berkembang yang mana medium keseniannya bergantung sepenuhnya pada penggunaan deriaan bau (Adetunji, 2014).

Dalam perubatan tradisional pula, ritual mandi bunga sering digunakan sebagai terapi untuk menenangkan fikiran dan memperbaiki kesihatan mental secara holistik. Bau harum bunga digunakan untuk menenangkan fikiran pengamal dan warna bunga yang cantik dapat memberi kesan emosi yang positif untuk menyenangkan hati pengamal. Gabungan keharuman dan keindahan warna bunga ini dapat menaikkan semangat pengamal dan dapat menurunkan tekanan, di samping meningkatkan rasa nyaman dan ketenangan (Rosman, 2019:123-135).

Tidak hairanlah jika keindahan bunga menjadi topik yang sering dibincangkan dalam cabang ilmu estetika di alam Melayu. Kegunaan bunga sebagai bahan alami yang banyak membantu mencungkil imaginasi para pengkarya seni untuk mengilhamkan sesuatu yang indah harus diambil kira. Alam cukup kuat pengaruhnya kepada kehidupan tradisi masyarakat Melayu sejak berzaman lamanya. Hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan alam persekitaran mereka telah membentuk satu pengaruh unik, khususnya penggunaan unsur alam sebagai motif dalam aspek kesenian dan kebudayaan Melayu.

Kesimpulan

Bunga merupakan sesuatu yang indah hasil ciptaan Allah Yang Maha Esa. Bunga mampu mengeluarkan bau yang harum yang akan menaikkan semangat seseorang. Bunga juga menjadi inspirasi untuk penghasilan karya-karya sastra yang bermutu tinggi.

Jalanan kehidupan masyarakat Melayu di Nusantara dengan bunga-bunga tidak dapat dinafikan kerana bunga-bunga yang indah dan harum digunakan sebagai terapi untuk mengubati secara tradisional masalah kemurungan dan menaikkan seri wajah, membuat pengamalannya lebih berkeyakinan diri. Dalam bidang falsafah pula, bunga dijadikan modal untuk menggambarkan sesuatu yang indah yang harus dilengkapi dengan keharuman supaya ia dapat memenuhi cita rasa idaman masyarakat setempat.

Kesimpulannya, perwatakan seseorang itu ibarat bunga. Bunga indah zahir dan batin. Namun, jika seseorang itu hanya memberikan tumpuan untuk kelihatan cantik di mata sahaja tanpa mengamalkan budi perkerti yang baik, dia ibarat bunga yang tidak harum, dan penilaian estetikanya tidak elok. Hal ini banyak terkandung dalam karya sastra Melayu melalui penggunaan pantun-pantun dan lagu-lagu berirama tradisional.

Bunga, walaupun hanya sekuntum, dapat menghidupkan suasana dengan keharumannya yang semerbak. Begitulah juga dengan manusia, perangai yang baik dan elok dapat menjadi bekalan untuk dirinya dikenang dan disenangi ramai, dan meraih pujian yang selayaknya berbanding dengan mereka yang hanya kelihatan cantik dan menarik, tetapi daif budi pekerti. 

RUJUKAN

Adetunji, J. (2014, April 30). Olfactory Art Makes Scents – and Who Nose Where It Might Lead Us? *The Conversation*. <https://theconversation.com/olfactory-art-makes-scents-and-who-nose-where-it-might-lead-us-25643>

Hassan, Z. (2010). "Alam Tumbuh-tumbuhan." *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu Moden* (pp. 76–81), Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Low, K. EY (2009). "Smelling and Sensing through Language – Olfaction and Linguistic Expression." *Scents and Scent-sibilities: Smell and Everyday Life* (pp. 36–38) Cambridge Scholars Publishing, UK.

Mohd Zawawi, A., Mat Hassan, N., & Ab Jabar, N. (2022). "Fungsi Bunga-Bunga dalam Teks Pantun Melayu 'Bingkisan Permata.'" *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, pp. 41–46.

(n.d) *Koleksi Pantun 4 Kerat Bahasa Melayu (Pelbagai Tema)*. <https://www.irujukan.my/pantun-4-kerat> . Dicapai pada 25 April 2024.

(n.d) Pantun Sunting Bunga di Taman. *Pantun Melayu*. (2013, June 26). <https://pantunmelayu.com/pantun-sunting-bunga-di-taman>. Dicapai pada 31 Julai 2023

P. Ngah (1999). "Lenggang Lenggok" [Dirakam oleh Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris]. Malaysia.

Rosman, A (2019). "Terapi Mandi Bunga Dalam Perubatan Melayu Untuk Penjagaan Kesihatan Mental." *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* pp. 123–135.

Salleh, M. H. (2000). "Yang Indah-Indah, Estetika Sastra Melayu." dalam M. H. Salleh, *Puitika Sastra Melayu* (p.210). Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salleh, J. (1980). "Kong Kong Kak" [Dirakam oleh S M Salim] Kuala Lumpur, Malaysia.

Salim, S.M (2014). "Bunga Tanjung" [Dirakam oleh S M Salim] Kuala Lumpur, Malaysia.

Soo, M. (2023, December 25). "The Beauty and Symbolism of Sakura: Exploring the Meaning Behind Japan's Beloved Cherry Blossoms." *Chasing Cherry Blossoms*. <https://chasingcherryblossoms.com/blog/the-beauty-and-symbolism-of-sakura-exploring-the-meaning-behind-japans-beloved-cherry-blossoms/> Dicapai pada 25 April 2024

Supa'at, J. (2008, July). "Masuri S.N." *BiblioAsia*. <https://biblioasia.nlb.gov.sg/vol-4/issue2/jul-2008/masuri-malay-poetry/> Dicapai pada 20 April 2024.

BIODATA



Rashikin Rajah ialah graduan program Bahasa Melayu (BAML) daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS). Beliau kini sedang melanjutkan pelajaran dalam program sarjana Pengajian Melayu di NUS. Beliau berminat mengkaji sastra dalam cabang falsafah dan pemikiran masyarakat

tradisional, terutama sekali dalam bidang keindahan dan kesenian.

Kewujudan Pempengaruh pada Era Digital: *Peranannya dalam Pembentukan Fati Diri Orang Melayu*

Djohan A Rahman



Foto: Shutterstock

Kemunculan golongan pempengaruh boleh dikatakan beroperasi atas landasan serta garis pandu yang bebas, tanpa ketentuan yang konkrit.

Berbergantungan masyarakat dewasa ini pada alat-alat digital serta Internet telah melonjak secara mendadak berbanding dengan penggunaannya pada era pra-COVID-19. Pandemik COVID-19 telah membuka pelbagai ruang dan peluang kepada warga dunia untuk lebih memanfaatkan pengetahuan digital mereka, serta memaksimumkan potensi untuk menggunakan ruang siber dengan lebih berkesan yang akhirnya dapat memberi faedah kepada para penggunanya. Salah satu contoh yang paling ketara ialah kegunaan ruang berinteraksi secara dalam talian dengan menggunakan peranti-peranti digital. Kaedah sebegini telah membantu kita menjalani interaksi sosial seperti biasa tanpa meninggalkan kawasan rumah masing-masing.

Setelah COVID-19 diklasifikasikan sebagai endemik, era pasca-COVID-19 menampakkan perubahan pada landskap interaksi digital. Interaksi secara dalam talian bukan lagi terhad pada wahana melaksanakan tugas. Para pengguna ruang siber kini lebih berkemahiran dan lebih berani untuk mengendalikan peranti-peranti digital. Maka muncullah peluang pekerjaan yang baharu sebagai pempengaruh yang mempunyai ruang audio siar (podcast) mereka yang tersendiri, ataupun golongan pempengaruh yang beroperasi di ruang media sosial atas pelbagai fungsi; misalnya memberi ulasan produk, menularkan hidangan-hidangan makanan yang boleh didapati di lokasi-lokasi baharu, dan berkongsi tip-tip praktikal sewaktu melancong ke luar negara.

Sewaktu esei ini dihasilkan, sebanyak 4.08 juta akaun audio siar yang sudah dihasilkan, dan sebanyak 504.9 juta pendengar dianggarkan mengikuti episod-episod audio siar yang terdapat di seluruh dunia¹. Di Singapura, seramai 93% daripada jumlah warga kita mengikuti episod-episod audio siar². Pada Jun 2023,

dianggarkan jumlah sedunia bagi individu yang menjadi pempengaruh pula mencecah angka 64 juta³ individu.

Kewujudan pempengaruh pastinya akan menjejaskan pembentukan jati diri serta budaya masyarakat yang sedia ada. Memandangkan sebelum ini tidak ada skop pekerjaan atau ruang operasi yang serupa, kemunculan golongan pempengaruh boleh dikatakan beroperasi atas landasan serta garis panduan yang bebas, tanpa ketentuan yang konkrit. Maka, penulis merasakan bahawa perlulah diserlahkan isu-isu yang sudah mula menampakkan kesannya demi kemaslahatan masyarakat umum.

Aspek Kebahasaan Bahasa Melayu

Rata-ratanya, hampir kesemua pempengaruh yang beroperasi menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama 'aku' dan 'kau' dalam rakaman perbualan yang mereka muat naik. Apabila ditanya, mereka melihat suasana perbualan itu sebagai santai dan perbualan itu juga dilihat sebagai interaksi sesama teman sebaya. Bahkan, dalam sebuah audio siar seni dikir barat yang berpangkalan di

Singapura, tetamu yang hadir telah memohon maaf kerana menggunakan panggilan 'saya', lalu dengan cepat tetamu itu menggunakan 'aku-engkau' di sepanjang perbualannya di dalam episod itu. Perlu dimaklumkan bahawa penggunaan sebegini bukan hanya tertakluk di Singapura, malah di negara-negara lain juga.

Sebagai contoh, kita boleh sahaja mendengar golongan pempengaruh menceritakan tentang kelazatan makanan lalu dengan bersahaja menggunakan istilah 'aku-engkau' sewaktu mereka berinteraksi. Malah, penggunaan 'aku-engkau' sudah diterima dan dibudayakan sehingga ia juga digunakan di stesen-stesen radio dan televisyen kebangsaan negara tersebut – sesuatu yang langsung tidak kedengaran suatu masa dahulu. (Mujurlah pendekatan ini tidak digunakan di stesen-stesen radio dan televisyen tempatan.)

Sebagaimana yang telah dimaklumkan, kepempengaruhan merupakan sebuah entiti yang baharu dan perlaksanaannya sering kali berlandaskan keselesaan pemilik akaun media sosial atau audio siar itu sendiri. Maka, berkemungkinan ramai yang terlepas pandang akan hakikat ini.

Dengan menggunakan serta membudayakan penggunaan istilah 'aku-engkau' ketika berinteraksi, pastinya ketika rakaman itu berlangsung, khalayak audiens tidak ada bersama di depan mata. Namun, setelah bahan rakaman itu dimuat naik, khalayak audiens itu wujud dan kewujudan mereka diwakili pelbagai lapisan masyarakat – termasuk golongan warga emas atau warga

senja. Dengan inisiatif yang diambil pemerintah untuk menjadikan warga yang sudah berusia menjadi celik IT, maka tidak hairanlah mereka juga termasuk dalam golongan yang mengikuti episod-episod audio siar yang ada di alam maya. Penulis pernah mendengar tentang keluhan bahawa golongan emas ada yang berasa bahawa nilai dan adab telah terhakis dek penggunaan istilah 'aku-engkau'. Bayangkan seorang warga emas yang cuba hendak mempelajari cara memasak makanan yang enak, dan pempengaruh muda yang sedang

jati diri orang Melayu memang tidak boleh disangkal. Misalnya kini, ramai pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang berbual dengan guru mereka menggunakan panggilan 'aku-engkau' kerana mereka sudah terbiasa mendengar penggunaannya oleh golongan pempengaruh. Panggilan itu sudah dianggap lazim dan sudah pun dibudayakan dalam kehidupan semasa.

Oleh yang demikian, penulis ingin menyarankan agar dalam kegigihan untuk menyampaikan bahan, serta melaksanakan tugas dengan baik, golongan pempengaruh

Penulis pernah mendengar akan keluhan bahawa golongan emas ada yang berasa bahawa *nilai dan adab telah terhakis dek penggunaan istilah 'aku-engkau'*. Bayangkan seorang warga emas yang cuba hendak mempelajari cara memasak makanan yang enak, dan pempengaruh muda yang sedang berinteraksi dengannya melalui media massa itu menggunakan panggilan 'aku-engkau'.

berinteraksi dengannya melalui media massa itu menggunakan panggilan 'aku-engkau'.

Bayangkan pula tiga orang anak muda yang sedang berbual di ruang meja makan, lantas hadir beberapa orang yang sudah berumur untuk turut serta dalam perbualan mereka. Penulis berasa yakin bahawa moda perbualan akan berubah kerana jati diri orang Melayu itu cukup menebal dengan konsep hormat dan santun. Pasti kegunaan 'aku-engkau' akan diganti dengan panggilan lain. Namun, kesedaran ini tidak dirasakan kerana rakaman yang dibuat oleh golongan pempengaruh ketika itu tidak menampilkan kehadiran khalayak audiens.

Pada era digital, peranan pempengaruh dalam pembentukan

perlu peka bahawa suara mereka itu mempunyai pengaruh dan bahasa yang mereka gunakan akan menjadi ikutan, lebih-lebih lagi kepada golongan pendengar atau pengikut muda. Mungkin pada mulanya, menggunakan panggilan 'saya-awak' (seperti yang digunakan segelintir pempengaruh) dirasakan janggal dan mengekang kelancaran berbicara.

Namun, sekiranya dinilai tentang kebaikan yang terselindung di sebaliknya, akan jelas kelihatan bahawa penggunaan sebegini mengekalkan jati diri orang Melayu yang kaya dengan adab dan kesantunan sewaktu berbicara. Kejanggalan itu dapat diatasi sekiranya kita membetulkan yang biasa, dan membiasakan yang betul.

Aspek Penerapan Nilai

Sesetengah pempengaruh tidak sedar bahawa apa yang mereka lakukan atau nyatakan membentuk jati diri masyarakat Melayu pada era digital. Baru-baru ini, terdapat sebuah saluran yang memaklumkan kepada para pengikutnya tentang sebuah lokasi makanan yang halal dan lazat di kawasan Upper Boon Keng. Namun, lagu latar bahasa Inggeris yang dipilih penuh dengan kata-kata kesat. Biar apa pun niat sebenar yang ingin dipaparkan, golongan pempengaruh harus peka tentang hal ini supaya nilai yang sedia ada tidak terhakis dan digantikan dengan kelaziman baharu yang menerima kebobrokan sistem nilai sedia ada.

Bahkan, terdapat juga pempengaruh yang mengikut contoh-contoh eksperimen sosial yang tular di negara-negara Barat. Dengan harapan agar kejadian itu berjaya disensasikan dan sekali gus menarik minat para pengguna Internet untuk melayari klip video yang terhasil, ada pempengaruh yang menyerlahkan budaya samseng dan merakam aksi gaduh dan maki-hamun. Pendekatan ini merupakan sesuatu yang baharu, dan sesuatu yang belum ditemui sebelum ini pastinya akan menarik minat pengguna alam siber.

Namun, apakah kos lepas yang terhasil ekoran daripada pelaksanaan eksperimen sosial yang merosakkan sistem nilai yang ingin dipelihara? Golongan pempengaruh perlu akur bahawa pembentukan trend sebegini akan meluaskan lagi jangkauan sempadan dokongan nilai yang dipraktikkan. Apabila trend sebegini tular, diterima dan dibudayakan, maka jati diri orang Melayu akan mula bertukar haluan. Ramai daripada golongan remaja sekarang yang bertanggungjawab bahawa gurauan yang kasar patut diterima.

Sekiranya ada sesiapa yang tidak bersetuju, mereka akan digelar sebagai 'Karen' (seorang yang kuno dan tidak boleh bertolak-ansur). Maka nilai dan norma yang terbentuk akan menjurus pada sikap keterbukaan dan kebebasan yang tidak terkawal, dan hakikat inilah yang tidak disedari sebilangan besar golongan pempengaruh.



Foto: Freepik

Penulis pasti golongan pempengaruh selalunya akan membuat perancangan apabila menggunakan lagu latar, atau sekiranya mereka mahu menjalankan eksperimen sosial. Namun, penulis ingin menyarankan agar golongan pempengaruh tidak menghentikan perancangan mereka pada detik klip video itu dimuat naik. Mereka juga perlu melihat kesan selepas klip video itu dimuat naik dan kesannya terhadap pembentukan jati diri masyarakat Melayu.

Aspek Pembentukan Norma Baharu

Rata-ratanya, pempengaruh yang berjaya ialah pempengaruh yang mempunyai jumlah pengikut yang ramai. Dengan adanya jumlah pengikut yang ramai, maka pintu untuk mendapatkan penaja dan badan-badan untuk bekerjasama akan dibuka dengan lebih luas. Semakin kerap penglibatan badan-badan sebegitu, semakin bertambahlah pendapatan yang boleh diraih.

Maka, atas dasar kewangan, terdapat sebahagian golongan pempengaruh yang menolak garis sempadan dan mengutarakan

topik-topik yang sebelum ini tidak lazim diutarakan secara terbuka. Perbincangan hangat tentang anak luar nikah, sumbang mahram, hubungan seks luar tabii, dan pembohongan dalam rumah tangga yang perlu diterima, diselang-selikan dengan komen-komen kesat pempengaruh yang berkenaan.

Ada pula yang menggunakan maskot kondom sebagai daya tarikan agar penjualan tiket laris. Malangnya, fokus utama hanya tertumpu pada penjualan tiket dan bukan natijah yang terhasil ekoran daripada perbincangan topik-topik yang melanggar adab orang Melayu. Pasti ada yang menyatakan bahawa perkongsian ilmu itu harus bersifat neutral kerana ilmu itu juga neutral dan akan sentiasa memberi manfaat. Namun, kaedah penyampaian ilmu itu sendiri tidak boleh dilihat sebagai neutral. Pempengaruh mempunyai tanggungjawab.

Misalnya, dalam kes pempengaruh yang merendahkan martabat wanita, golongan pempengaruh tersebut langsung tidak menampakkan sebarang rasa kesal apabila isu itu menjadi tular, dan

Golongan pempengaruh perlu peka bahawa suara mereka itu mempunyai pengaruh dan bahasa yang mereka gunakan akan menjadi ikutan, lebih-lebih lagi kepada golongan pendengar atau pengikut muda.

Kejanggalan itu dapat diatasi sekiranya kita membetulkan yang biasa, dan membiasakan yang betul.

para pengikutnya juga terpengaruh dan bersetuju dengan apa yang telah diutarakan. Hanyalah apabila terdapat tokoh negara yang menegur mereka, barulah mereka menampakkan yang mereka berubah pendirian. Malah, isu menipu pasangan sehingga berlakunya penceraian juga telah disensasikan.

Yang menyedihkan lagi, terdapat badan-badan setempat yang menggunakan khidmat sesetengah golongan pempengaruh yang sebegini untuk memeriahkan majlis-majlis rasmi mereka atas dasar ingin menarik golongan belia ke majlis itu memandangkan kebanyakan pengikut golongan pempengaruh ini terdiri daripada golongan belia. Maka golongan belia akan melihat tindakan ini sebagai pengukuh yang kelakuan serta perbualan golongan pempengaruh itu boleh diterima pakai memandangkan badan-badan setempat yang berkaliber itu sendiri menggunakan khidmat golongan pempengaruh ini. Keputusan sebegini pastinya akan membentuk norma baharu yang menampakkan penerimaan kelakuan dan corak perbualan yang dimaksudkan. Akhirnya, penerimaan sebegini akan mengancam kestabilan kewujudan jati diri orang Melayu.

Golongan pempengaruh perlu peka bahawa menormalisasikan yang tabu atas dasar pengamalan sikap keterbukaan demi mendapat sambutan masyarakat dan/atau mendapat kunjungan digital yang membawa kepada keuntungan peribadi, akan menjurus kepada kemusnahan jati diri orang Melayu yang sememangnya sudah berdepan dengan pelbagai cabaran pada era globalisasi.

Garis Pandu Operasi Pempengaruh Nusantara

Sebagaimana yang telah dimaklumkan pada awal tadi, kepempengaruhan merupakan suatu entiti yang baharu. Kepempengaruhan bukan bidang perubatan, yang mana berlakunya evolusi dari ruang lingkup kedukunan ke kedoktoran. Ia juga bukan seperti bidang perguruan yang bermula dari sekolah pondok sehinggalah menjadi institusi pendidikan yang gah seperti mana yang boleh dilihat pada hari ini.

Para pempengaruh perlu tahu bahawa peranan serta pengaruh mereka tidak terhenti apabila mereka menamatkan rakaman.

Golongan pempengaruh perlu peka bahawa *menormalisasikan yang tabu* atas dasar pengamalan sikap keterbukaan demi mendapat sambutan masyarakat dan/atau mendapat kunjungan digital yang membawa kepada keuntungan peribadi, akan *menjurus kepada kemusnahan jati diri orang Melayu* yang sememangnya sudah berdepan dengan pelbagai cabaran pada era globalisasi.

Kepempengaruhan merupakan bidang baharu. Suatu masa dahulu, mereka menggunakan mikrofon dan merakam di dalam bilik yang sunyi. Kini mereka beroperasi di dalam studio-studio gah dan disokong alat-alat rakaman yang terkini. Mereka juga beroperasi di luar dengan menggunakan kamera-kamera canggih. Ada juga yang disokong dengan kegunaan dron-dron untuk menjadikan bahan rakaman mereka kelihatan lebih canggih dan menarik.

Akan tetapi, para pempengaruh perlu tahu bahawa peranan serta pengaruh mereka tidak terhenti apabila mereka menamatkan rakaman. Dari sudut kognitif, para pengikut dan pendengar akan menilai perkara yang telah diperkatakan, dan tindakan para pendengar dan pengikut yang selanjutnya akan perlahan-lahan membentuk jati diri mereka khususnya, dan jati diri orang Melayu secara amnya.

Sepintas lalu, tugas sebagai pempengaruh tampak seperti mendatar. Mereka mencari bahan yang sensasi, mereka melakukan proses penyuntingan dan akhirnya mereka memuat naik bahan itu ke alam siber. Kebanyakan pempengaruh akan merasakan bahawa tugas dan pengaruh mereka terhenti selepas itu. Hakikatnya, bahan yang diperkatakan boleh meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan.

Oleh yang sedemikian, memandangkan kepempengaruhan ini merupakan fenomena yang agak baharu, penulis ingin mengajukan beberapa garis panduan yang boleh dijadikan sandaran demi kemaslahatan umum. Garis panduan ini juga pernah diajukan Dr Shamsudin Othman dalam modul Penulisan Kreatif: Teori dan Amali di Universiti Malaya dahulu⁴. Biarpun garis panduan yang ini merupakan empat sifat Nabi



Muhammad s.a.w., penulis merasakan bahawa penerapannya masih relevan dan dapat membantu golongan pengpengaruh dalam pengekal dan pemerksaan jati diri orang Melayu.

1 Menyampaikan (Tabligh)

Dalam hal ini, ketika menyampaikan sesuatu bahan, para pengpengaruh digalakkan supaya menyampaikan perkara yang membawa kepada kebaikan. Memang tidak salah sekiranya isi sensasi yang sedang hangat ingin diperkatakan, namun kesedaran perlu ada supaya jalan yang diambil untuk menyampaikan bahan itu menuju kepada kebaikan. Kebaikan juga boleh termasuk menjaga hati pendengar dengan menggunakan bahasa yang baik. Kebaikan boleh juga menampakkan usaha untuk mencari penyelesaian secara berhemah, atau memaklumkan akan sesuatu kebaikan yang memberi manfaat kepada orang ramai.

2 Jujur (Siddiq)

Dalam erti kata yang lain, kejujuran di sini membawa maksud menyampaikan sesuatu yang benar. Bahan yang disampaikan itu perlu jelas dan tidak menimbulkan salah sangka. Pengpengaruh perlu mengelakkan diri daripada berpegang kepada konsep 'jujur kepada diri sendiri lantas menggunakan hak untuk bersuara secara sewenang-wenangnya'. Seorang pengpengaruh itu ibarat seorang selebriti; dia mempunyai kesan dan pengaruh terhadap pendengarnya dan pengikutnya. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab golongan pengpengaruh untuk sentiasa berkata benar dengan menggunakan pendekatan yang berhemah.

3 Dipercayai (Amanah)

Istilah 'amanah' di sini bukan sekadar golongan Kata Adjektif yang menuntut golongan pengpengaruh berkelakuan jujur dalam menyampaikan bahan. Istilah 'amanah' juga dilihat dalam golongan Kata Nama yang menuntut agar golongan pengpengaruh menggalas tanggungjawab atau amanah yang sedia ada selaku pengpengaruh. Semakin ramai pengikut serta pendengarnya, bererti semakin ramai yang mempercayai bahan yang disampaikan. Maka, semakin beratlah amanah yang perlu dilaksanakan selaku pengpengaruh untuk menggunakan kesempatan yang sedia ada dengan sebaik mungkin, dan tidak tenggelam ke dalam euforia kekhilafan.

4 Bijak (Fathonah)

Akhir sekali, jadilah pengpengaruh yang bijak. Pengpengaruh yang bijak mempunyai pelbagai kaedah untuk menarik minat pengikut dan pendengar. Sekiranya berkata kesat dan mengutarakan bahan yang berbau lucah merupakan satu-satu sahaja cara untuk terus menarik minat pendengar, maka pengpengaruh itu perlu mempertingkatkan kebijaksanaannya dan melakar strategi supaya ada kepelbagaian dan kesegaran idea dalam menjalankan tugas selaku pengpengaruh yang efektif. Elakkan daripada mengsensasikan perkara-perkara yang menjurus kepada keruntuhan. Gunakan kebijaksanaan untuk mencungkil daya kreativiti agar siaran yang segar dan menghiburkan mampu dijalankan tanpa menjejaskan jati diri kita selaku orang Melayu.

Penutup

Secara syumul, kepempengaruh membawa kesegaran pada ruang media massa. Jika sebelum ini, radio menjadi tunggak dominan dalam penyiaran bahan, audio siar kini menjadi saingan hebat untuk menarik minat pendengar. Pengpengaruh yang beroperasi di platform media sosial juga mampu berfungsi sebagai sumber wadah hiburan, perkongsian maklumat serta individu berwibawa yang menawarkan khidmat produk yang inovatif. Namun, dalam meneroka landskap yang baharu ini, perlu ada garis panduan yang harus dijadikan sandaran golongan pengpengaruh supaya jati diri orang Melayu kekal utuh dan tidak terhakis.

*Ayam serama terbang tak jadi,
Lihat kepak ukurnya kecil;
Andai sama menyemai budi,
Cucunya kelak menuai hasil.*

Semoga dengan saranan-saranan yang diajukan, golongan pengpengaruh akan menjadi lebih akur akan peranan sosial yang dipikul, sekali gus mengamalkan sifat kebertanggungjawaban dalam apa jua bahan yang ingin disampaikan melalui media massa. **S**

BIODATA



Djohan bin Abdul Rahman ialah anak kelahiran Singapura yang merupakan siswa terbaik kohort 2007 Ijazah Dasar Pengajian Melayu

(Kepujian) di Universiti Malaya. Seorang penggiat sastera yang gemar menulis cerpen, sajak, esei dan skrip televisyen, karya-karya beliau pernah diterbitkan di Singapura, Malaysia, Brunei dan Indonesia. Beliau juga pernah mengikuti Program Penulisan Mastera: Cerpen di Bogor, Indonesia. Buku-buku kumpulan cerpen solonya berjudul *Tika Aksara Menari* (2017) dan *Interlud* (2021). Selaku guru, Djohan merupakan penerima Anugerah Guru Arif Budiman pada tahun 2017, dan juga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Presiden bagi Guru pada tahun yang sama.

RUJUKAN

- 1 Sumber daripada DemandSage (demandsage.com)
- 2 Sumber daripada CampaignAsia (campaignasia.com)
- 3 Sumber daripada TrendHero (trendhero.com)
- 4 Circa kohort 2004 - 2007

NOTA

Esei ini merupakan pandangan peribadi dan tidak mewakili mana-mana pihak, kerjaya mahupun kementerian.

Keterampilan: *Cermin Peribadi Seseorang*

Nursha Ismail

Renangan terawal saya memberi ucapan di hadapan orang ramai berlaku ketika saya berusia lima tahun. Waktu itu, saya masih di prasekolah. Guru saya memilih saya untuk mewakili kelas dalam menyambut kehadiran tetamu terhormat, Encik Sidek Sanif. Pada usia sekecil itu, berdiri di hadapan ramai orang adalah satu pengalaman yang cukup mendebarakan. Dorongan daripada guru dan keluarga membolehkan saya melakukannya dengan lancar.

Pada tahun seterusnya, saya diberi kepercayaan untuk menyampaikan ucapan dalam bahasa Melayu sempena Hari Ucapan. Saya ingat betapa berharganya pengalaman itu, kerana ia menjadi langkah pertama dalam membina keyakinan saya untuk bercakap di hadapan khalayak ramai.



Duta Kebaya:
"Kebaya memartabatkan jati diri saya sebagai wanita Melayu dan ia melambangkan Keanggunan disulami Kewibawaan."

Peranan Ibu dalam membentuk keyakinan

Segala keyakinan yang saya miliki hari ini berpunca daripada didikan ibu saya. Beliau sangat gigih memupuk kebolehan saya sejak kecil. Setiap hujung minggu, Ibu membawa saya ke perpustakaan awam untuk membaca buku dan meningkatkan kemahiran bahasa.

Ketika saya menyertai pertandingan bercerita sewaktu di sekolah rendah, ibu saya menjadi mentor terbaik. Meja makan di rumah kami bertukar menjadi pentas latihan. Ibu bukan sahaja menulis skrip, malah melatih saya cara menyampaikan cerita dengan ekspresi dan intonasi yang betul. Setiap kali saya berjaya menyampaikan ucapan dengan penuh keyakinan, Ibu akan memberikan sorakan.

Kejayaan saya muncul sebagai juara setiap tahun dalam pertandingan bercerita di sekolah rendah adalah bukti usaha dan sokongan Ibu.

Membina keterampilan sewaktu remaja

Ketika di sekolah menengah, peluang untuk menyertai pertandingan berpidato dan menyampaikan karangan di perhimpunan pagi menambah pengalaman saya.

Penglibatan saya terus berkembang ketika di peringkat prauniversiti. Saya mewakili sekolah dalam pertandingan bahas, baik dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris.

Kini, saya memilih untuk menyumbang kembali kepada masyarakat melalui sesi bercerita di perpustakaan awam dan bengkel pertuturan di sekolah-sekolah sewaktu masa lapang.



(Atas) Nursha bersama ibu yang gigih memupuk bakat anaknya. (Tengah) Nursha ketika di prasekolah. (Bawah) Nursha rajin membaca sejak kecil.



Ramai yang tidak tahu, rutin saya adalah mendapatkan restu ibu. Saya akan menghantar mesej kepada Ibu, “Mak, Nursha baca berita hari ini. Doakan.”

Doa dan restu Ibu memberikan saya ketenangan dan kekuatan yang luar biasa.



Nursha giat menjadi pencerita dalam sesi bercerita di perpustakaan awam.



Nursha tampak anggun dan berkarisma ketika berbicara dalam sebuah forum.

Keterampilan: Cermi peribadi seseorang

Keterampilan seseorang sering menjadi perkara pertama yang dinilai oleh orang lain. Pepatah Inggeris, *"first impression matters,"* sering menjadi panduan saya. Penampilan kemas dan rapi melambangkan keperibadian dan kehormatan diri seseorang.


Namun, keterampilan bukan hanya terhad kepada penampilan luaran. Keterampilan minda juga memainkan peranan penting. Seseorang yang banyak membaca dan mengambil tahu tentang isu semasa akan kelihatan lebih menarik apabila berbicara dan tidak kelihatan "kosong". Secara tidak langsung, mereka juga menunjukkan keyakinan yang mendalam.

Bagi saya, keterampilan adalah gabungan antara penampilan yang kemas, pandai membawa diri, mempunyai minda yang luas dan berbudi bahasa.

Persediaan mental dan emosional sebelum berdepan kamera

Setiap kali sebelum menyampaikan berita di kaca TV, saya mempunyai rutin tersendiri untuk bersedia secara mental dan emosional. Ramai yang tidak tahu, rutin saya adalah mendapatkan restu ibu. Saya akan menghantar mesej kepada Ibu, "Mak, Nursha baca berita hari ini. Doakan." Doa dan restu Ibu memberikan saya ketenangan dan kekuatan yang luar biasa.

Selain itu, saya mengamalkan doa "*Robbisrohli Sodri Wayassirli Amri*" untuk meminta kemudahan dan kelancaran lisan serta ketenangan hati tatkala berdepan dengan kamera.



Nursha mengendalikan rancangan *Detik Personaliti* dengan tokoh-tokoh masyarakat seperti Allahyarham Cikgu Suratman Markasan (atas) dan Mufti Dr Nazirudin Mohd Nasir (bawah).

Keterampilan bukan hanya terhad kepada penampilan luaran. Keterampilan minda juga memainkan peranan penting...
keterampilan adalah gabungan antara penampilan yang kemas, pandai membawa diri, mempunyai minda yang luas dan berbudi bahasa.

Seumpama padi

Untuk kelihatan berwibawa, berkeyakinan, dan berketerampilan, seseorang perlu menguasai beberapa aspek penting. Salah satunya ialah ilmu pengetahuan. Prinsip yang saya pegang adalah semakin banyak kita belajar, semakin kita sedar bahawa masih banyak yang kita belum tahu. Dunia ini luas. Banyak yang boleh kita pelajari. Selain itu, selalu mengingatkan diri agar merendah diri seperti padi – semakin berisi, semakin tunduk. Sikap rendah diri ini penting dalam membina keterampilan diri.

Memartabatkan kebaya sebagai busana warisan

Sebenarnya, jolokan Duta Kebaya ini diterima secara kebetulan. Saya sering menggayakan kebaya ketika berdepan dengan kamera, terutamanya untuk rancangan ehwal semasa, *Detik Personaliti*.

Kebaya memartabatkan jati diri saya sebagai wanita Melayu dan ia melambangkan 'Keanggunan disulami Kewibawaan.' Ia cukup versatil dan sering digayakan wanita-wanita berpengaruh, seperti Wanita Pertama Singapura, Puan Noor Aishah.

Tanpa disangka, pilihan busana ini menarik perhatian ramai, termasuk Lembaga Warisan Negara (NHB). Peranan saya adalah untuk meningkatkan penghargaan terhadap busana warisan kebaya agar ia tidak ditelan zaman.

Saya juga menghasilkan sebuah dokumentari bertajuk 'Kebaya Gaya Nusantara' yang mengupas sejarah, asal usul, dan nilai sosial kebaya di Singapura, Malaysia dan Indonesia. Busana kebaya diangkat dan disenaraikan dalam pencalonan Warisan Budaya Tidak Ternilai Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

...selalu mengingatkan diri agar merendah diri seperti padi – semakin berisi, semakin tunduk. *Sikap rendah diri ini penting dalam membina keterampilan diri.*



Nursha ketika menerima pengiktirafan sebagai Duta Bahasa pada tahun 2023.

TIP

Meningkatkan keyakinan diri

Bagi golongan muda, berikut adalah beberapa tip untuk meningkatkan keyakinan diri dan mengelakkan darah gemuruh ketika bercakap di hadapan orang ramai.

Bertenang dan bersedia.

Jangan terlalu risau untuk menjadi sempurna. Kesilapan adalah sebahagian daripada proses pembelajaran.

Fahami kandungan ucapan.

Lakukan penyelidikan dan pastikan anda memahami isi ucapan. Cari bahan-bahan yang boleh menambah nilai skrip. Elakkan daripada terlalu menghafal atau terlalu ikut skrip.

Percaya pada diri sendiri.

Keyakinan datang dari dalam. Jika anda tidak percaya pada diri sendiri, sukar untuk meyakinkan orang lain.



Apabila saya melakukan wawancara, golongan muda sering katakan ‘*Oh, my Malay is no good.*’ Tidak sempurna, tidak mengapa. ***Yang penting, harus terus mencuba!***

Menguasai bahasa Melayu

Luaskan bahan bacaan. Contohnya, ikuti rancangan berita dan ehwal semasa Melayu. Ingat jati diri sebagai orang Melayu. Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan kita.

Apabila saya melakukan wawancara, golongan muda sering katakan “*Oh, my Malay is no good.*” Tidak sempurna, tidak mengapa. Yang penting, harus terus mencuba!

Lihat sahaja di negara-negara seperti Perancis, Sepanyol, Jepun, Korea – warga mereka amat bangga dengan bahasa mereka. Kita harus terus memelihara Bahasa Melayu yang kaya dengan khazanah yang tidak ternilai seperti pantun, peribahasa dan lain-lain.

Jika kita orang Melayu tidak bertutur dalam bahasa sendiri, bagaimana nasib bahasa Melayu akan datang? Adakah anda mahu lihat orang Melayu kulit sawo matang tapi hanya pandai bertutur dalam bahasa penjajah? Bahasa Melayu, Bahasa Kita. Gunakanlah. **S**

BIODATA



Nursha Ismail Penerbit-Penyampai Kanan BERITA dan Ehwal Semasa Melayu, Mediacorp dengan lebih 10 tahun pengalaman dalam bidang kewartawanan penyiaran. Ia meliputi acara-acara penting negara dan antarabangsa termasuk Sidang Puncak Amerika-Korea Utara 2018, Upacara Pengebumian Negara Mantan Perdana Menteri Lee Kuan Yew, serta pilihan raya utama. Selain menyampaikan buletin BERITA 8 malam, Nursha menerbitkan rancangan-rancangan dokumentari yang memenangi anugerah pencapaian cemerlang dan ehwal semasa seperti *Detik Personaliti* yang menampilkan ikon-ikon masyarakat Melayu/ Islam. Nursha turut dilantik sebagai Duta Bahasa oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura dan antara wajah bagi menyemarakkan kempen kebaya Lembaga Warisan Negara (NHB).

Lee Kuan Yew



“Seni berucap di hadapan khalayak ramai bukan hanya tentang menyampaikan maklumat, tetapi juga tentang bagaimana seseorang pemimpin dapat menghubungkan dirinya dengan rakyatnya. Dalam kehidupan politik, terutama sebagai seorang pemimpin negara, saya percaya bahawa **setiap kata yang diucapkan harus dipenuhi dengan kredibiliti dan tanggungjawab.** Ketika saya bercakap kepada rakyat Singapura, saya memastikan setiap mesej yang disampaikan adalah berdasarkan kebenaran dan fakta. Orang ramai perlu yakin bahawa apa yang saya katakan adalah berdasarkan realiti dan bukan sekadar retorik kosong. Saya tidak takut untuk bercakap tentang cabaran yang dihadapi negara, dan saya tidak teragak-agak untuk bercakap dengan tegas apabila diperlukan.”

Lee, *The Singapore Story*, 1998

Winston Churchill



“Ucapan hebat tidak datang begitu sahaja. Ia memerlukan latihan, pengamatan, dan persediaan rapi. Anda harus tahu apa yang ingin anda sampaikan, mengapa anda menyampaikannya, dan bagaimana untuk menyentuh hati audiens. **Jangan takut untuk bereksperimen dengan nada, jeda, dan irama untuk memastikan setiap perkataan membawa kesan yang mendalam.**”

Churchill, *Never Give In: The Best of Winston Churchill's Speeches*, 1941

Barack Obama



“Ketika saya berdiri di hadapan khalayak ramai, saya selalu mengingatkan diri sendiri bahawa setiap individu yang mendengar ucapan saya mempunyai impian, cabaran, dan harapan mereka sendiri.

Ucapan yang baik tidak hanya memberi maklumat, tetapi juga memberi inspirasi. **Anda perlu menghubungkan kata-kata anda dengan emosi dan nilai mereka untuk membina hubungan yang bermakna.**”

Obama, *The Audacity of Hope*, 2009

Kata-kata Mutiara

Jurnal Sekata berkongsi beberapa nukilan daripada tokoh-tokoh dunia tentang kepentingan dan kesenian menyampaikan ucapan.

Dale Carnegie



"Ketakutan adalah perkara biasa, tetapi ia boleh diatasi dengan amalan berterusan. Cara terbaik untuk memenangi hati audiens adalah dengan **menunjukkan semangat dan keikhlasan anda**. Jika anda bercakap

dari hati, audiens akan mendengar dengan hati. Itulah rahsia sebenar keberkesanan dalam ucapan."

Carnegie, *How to Win Friends and Influence People*, 1936

John F. Kennedy



"Ucapan yang baik adalah gabungan fakta, semangat, dan visi. Anda perlu bercakap dengan penuh keyakinan, tanpa terlalu menghafal. Sebaliknya, **kuasai bahan anda, dan biarkan keperibadian serta visi anda menjadi**

panduan dalam menyampaikan mesej."

Kennedy, *Inaugural Address*, 1961

Nelson Mandela



"Ketika saya bercakap, saya tidak hanya memikirkan kata-kata yang ingin saya sampaikan tetapi juga apa yang ingin didengar oleh audiens. Ucapan yang hebat bukanlah mengenai saya sebagai pembicara,

tetapi mengenai **impak yang saya ingin tinggalkan kepada mereka yang mendengar.**"

Mandela, *Long Walk to Freedom*, 1994

Maya Angelou



"Kebijaksanaan berkomunikasi bukan hanya dalam menyampaikan fakta, tetapi dalam **membangkitkan emosi dan pengalaman yang akan bertahan lama dalam ingatan audiens.**

Saya percaya setiap ucapan adalah peluang untuk memimpin hati dan minda dengan kasih dan hormat."

Angelou, *Wouldn't Take Nothing for My Journey Now*, 1993

Tony Robbins




"Untuk menjadi pembicara yang hebat, anda perlu memahami tenaga anda sendiri dan bagaimana ia boleh mempengaruhi audiens. Bicara dengan semangat, dan jangan takut untuk menggunakan cerita

peribadi anda untuk memberi inspirasi. **Orang akan mengingat cerita dan emosi anda lebih daripada fakta atau statistik.**"

Robbins, *Awaken the Giant Within*, 1992

Mark Twain



"Ucapan yang hebat adalah tentang ketepatan: ketepatan dalam memilih kata-kata, nada, dan masa yang sesuai. **Humor adalah alat yang hebat** untuk memecahkan ketegangan, tetapi jangan gunakan

humor jika ia tidak sesuai dengan audiens atau mesej anda."

Twain, *The Tragedy of Pudd'nhead Wilson*, 1895

Oprah Winfrey




"Kunci untuk berucap dengan baik adalah dengan memahami tujuan ucapan anda. Jika anda bercakap hanya untuk didengar, itu tidak cukup. **Anda harus bercakap untuk membawa perubahan, menyentuh**

jiwa, dan memberi kekuatan kepada pendengar untuk menjadi lebih baik."

Winfrey, *The Oprah Winfrey Show*, 2010

Aristotle



"Seni retorik adalah seni mempengaruhi. Setiap ucapan harus berdasarkan tiga elemen utama: **etos (kepercayaan kepada pembicara), logos (logik dalam hujah), dan pathos (emosi yang**

menyentuh hati). Gabungan ini yang menjadikan kata-kata anda benar-benar berkuasa."

Aristotle, *On Rhetoric*, 350 SM



Paluan Dikir Barat: *Seni Muzik Yang Merakyat*

Mohamed Norazam Hakub

Seni dikir barat bermula di Singapura sekitar tahun 1970-an. Sambutan dikir barat agak hambar pada peringkat awal. Namun, seni ini mula mendapat penerimaan yang baik pada lewat tahun 1980-an dalam kalangan remaja.

Dikir barat sudah bertapak di Singapura hampir 50 tahun. Untuk terus kekal relevan kepada masyarakat setempat, dikir barat di Singapura telah menjalani pelbagai perubahan dari segi bentuk persembahan dan penyampaian pada setiap dekad.

Pada masa yang sama, penghalusan dan pemahaman amat

penting diusahakan agar dinamika persembahan dan juga RASA-nya tidak hilang kala menjalani perubahan ataupun segala usaha naik taraf.

Dikir barat dilengkapi dengan empat peranan dan empat seni.

Muzik dikir barat pada awalnya hanya dimainkan dengan kompang. Kompang tersebut dikepit di bahagian paha dan dipalu oleh sekumpulan pemuzik. Alat-alat genderang dikir barat mula diperkenalkan pada awal tahun 1990-an.

Dalam menggerakkan proses perubahan, harus dipelajari dan fahami apa itu seni dikir barat, termasuk sejarah dan evolusi yang dilalui seni ini seawal abad ke-18 hingga ke hari ini.

Andika Kencana semasa pertandingan Mega Perdana 2017.
Foto: Mish Photo Box

Mohamed Norazam (kanan)
rancak bermain rebana semasa pertandingan Mega Perdana 2017.
Foto: Mish Photo Box



Walaupun dikir barat ialah seni tradisional Melayu yang lama, ia masih dapat menarik minat golongan para remaja dan pelajar disebabkan ruang inovasi, kreativiti dan evolusi yang membolehkan ia *berubah mengikut peredaran masa dan kecenderungan masyarakat.*

Dengan kajian tersebut, proses perubahan dan menaik taraf seni dikir barat tidak akan tersasar kerana adanya ilmu asas mengenai dikir barat.

Secara umum, alat muzik tradisional Melayu boleh diklasifikasikan kepada empat kategori, iaitu membranofon, idiofon, kordofon dan aerofon. Membranofon dan idiofon juga dikenali sebagai alat muzik gendang.

Walaupun dikir barat ialah seni tradisional Melayu yang lama, ia masih dapat menarik minat golongan para remaja dan pelajar disebabkan ruang inovasi, kreativiti dan evolusi yang membolehkan ia berubah mengikut

peredaran masa dan kecenderungan masyarakat.

Muzik Dikir Barat

Paluan dikir barat bermula daripada kepingan buluh yang diketuk di atas kayu, lalu beralih ke *gedombak* (alat muzik wayang kulit), beralih ke *redap* (alat musik Peteri) dan akhir sekali, *rebana dikir barat* yang kekal ke hari ini.

Rebana dikir barat diilhamkan oleh seorang pelopor dikir barat bernama Arifin Bin Awang Teh (Aripin Ana) bersama tukang pembuatan alat muzik tradisional Md Gel Bin Dali (Paksu Agel).

Alat-alat muzik dikir barat adalah

antara yang termuda dibandingkan alat-alat seni muzik Melayu yang lain. Rentak paluan pada muzik dikir barat merupakan adaptasi atau penyesuaian daripada rentak bunyi yang sedia ada.

Rentak paluan yang biasa dipalu dalam lagu-lagu dikir barat ialah rentak inang, rentak dangdut, rentak cha-cha (mambo), rentak joget dan rentak cincang (Siam). Lazimnya, lagu-lagu dikir barat terikat pada beat dua atau empat. Banyak perubahan dalam seni lagu yang berlaku mengikut peredaran masa dan pengaruh masa kini.

Mengekalkan identiti, ketepatan dan rasa dalam seni dikir barat menjadi satu cabaran dalam membuatnya

Dikir Barat

EMPAT PERANAN,
EMPAT SENI

PERANAN
Tok Jogho

SENI
Suara

PERANAN
Tukang Karut

SENI
Persembahan

PERANAN
Pemuzik

SENI
Paluan

PERANAN
Awak-awak

SENI
Tari



relevan dan sealiran dengan cita rasa generasi muda.

Dalam menepati bunyi dan rasa yang tepat, harus dikaji dahulu dari mana asalnya pengaruh muzik Melayu. Abdul Fatah Karim (1980), dalam kajian beliau, berpendapat bahawa muzik Melayu asli banyak menggunakan skala minor harmonik dalam penciptaannya. Skala Arab berasal daripada pengaruh Syria, Turki, Parsi, dan Iraq (Al Farabi, 878-950) yang dipengaruhi pula oleh muzik Yunani. Pengaruh muzik Arab dalam penyampaian lagu tradisional Melayu dikatakan sangat ketara disebabkan oleh kedatangan Islam di Tanah Melayu. Pengaruh muzik India juga turut memainkan peranan penting dalam perkembangan muzik Melayu.

Ketidakfahaman terhadap struktur modal dan irama dalam muzik tradisional menyebabkan lagu-lagu ditranskripsikan untuk sepadan dengan skala dan meter

Muzik Melayu tradisional merupakan bahagian integral daripada budaya keseluruhan masyarakat Melayu, yang ditanda oleh dua aspek penting, iaitu *keteguhan dalam mempertahankan identiti asalnya dan keterbukaannya terhadap pengaruh asing.*



Mohamed Norazam
(bertopi) sedang
mengendalikan
Bengkel Paluan
anjaran Gabungan
Dikir Barat Singapura.
Foto: Hairul Latif

PERBANDINGAN

Muzik Rakyat / Muzik Klasik

	Muzik Rakyat	Muzik Klasik
Takrif	Muzik yang berasal daripada budaya popular tradisional	Muzik yang serius dan mengikut prinsip-prinsip muzik yang telah ditetapkan
Bentuk	Vokal dan instrumental	Hanya instrumental
Dinamik	Mempunyai dinamik yang ringkas	Mempunyai dinamik yang berkisar daripada lembut hingga kuat
Artis	Masyarakat umum	Ahli muzik atau profesional
Ciri-ciri	● Ringkas dalam bentuk ● Merupakan muzik tradisional ● Diwarisi daripada satu generasi kepada generasi berikutnya ● Bersifat kontemporari dalam bentuk	● Sukar dan menyeluruh dalam bentuk ● Merupakan "seni" ● Dipengaruhi oleh muzik rakyat ● Kompleks dalam bentuk

"klasik" yang umum diterima, dan sering kali mengabaikan elemen-elemen penting seperti *swing*, hiasan dan fraseologi yang apabila ditafsirkan oleh seorang pemain klasik, menghasilkan bunyi yang jauh daripada tradisional.

Muzik Melayu tradisional merupakan bahagian integral daripada budaya keseluruhan masyarakat Melayu, yang ditanda oleh dua aspek penting, iaitu keteguhan dalam mempertahankan identiti asalnya meskipun mengalami perubahan akibat interaksi budaya, dan keterbukaannya terhadap pengaruh asing tanpa mengabaikan ciri-ciri dasar yang melekat pada identiti sendiri.

Istilah "muzik lagu" dan "ton" merujuk kepada aspek yang berbeza dalam muzik, terutamanya dalam hal melodi dan kualiti bunyi. Berikut adalah perbezaannya:

Muzik Lagu

Istilah "muzik lagu" merujuk kepada rangkaian not muzik yang diatur mengikut urutan tertentu untuk mencipta sebuah melodi. Ia merangkumi susunan nada dalam corak yang

mudah dikenali dan padu yang membentuk asas sesuatu komposisi muzikal.

Sebuah lagu merupakan apa yang biasanya dinyanyikan atau dihafal apabila seseorang mengingat sebuah lagu. Ia terdiri daripada rangkaian nada yang membentuk melodi, sama ada dimainkan oleh satu alat muzik, dinyanyikan oleh penyanyi, atau dilaksanakan oleh kumpulan muzikal. Secara mudah untuk difahami, lagu adalah apa yang anda ingat dan kenal sebagai melodi. Ia adalah susunan nota-nota termasuk rentak-rentak ritma yang memberikan identiti unik kepada sebuah karya muzik.

Ton (Suara)

Suara, pada sisi lain merujuk kepada ciri bunyi yang dihasilkan oleh alat muzik, suara, atau sumber bunyi. Ia warna bunyi atau timbre yang membezakan satu alat muzik atau suara daripada yang lain. Bunyi alat muzik atau suara dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk struktur alat muzik, bahan pembuatannya, teknik bermain dan kemahiran pemain.

Suara boleh digambarkan sebagai cerah, hangat, gelap, merdu, keras atau kata sifat lain yang menggambarkan kualiti bunyi. Ia adalah apa yang memberikan tanda khas bunyi yang

Mohamed Norazam
beraksi sebagai
pemain rebana semasa
pertandingan Mega
Perdana 2019.
Foto: Akbar Osman Photos

unik bagi setiap alat muzik atau suara. Ton/suara alat muzik meminjamkan nada ketika alat muzik itu dimainkan; susunan *tonal* yang berbeza boleh melengkapkan nada lalu menyusun not untuk menjadi irama.

Secara ringkas, walaupun sebuah lagu muzikal merujuk kepada urutan nota yang membentuk suatu melodi dalam sebuah karya muzik, suara merujuk kepada kualiti bunyi yang dihasilkan oleh alat muzik atau suara. Kedua-duanya ialah elemen asas muzik yang menyumbang kepada ungkapan dan impak keseluruhan.

Muzik Melayu dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuklah pengaruh sejarah, budaya, agama dan geografi, seperti berikut:

1 Budaya Asli Melayu

Budaya asli Melayu dengan sejarah, tradisi dan adat istiadatnya yang kaya membentuk asas bunyi dan muzik Melayu. Muzik Melayu tradisional mencerminkan amalan budaya, kepercayaan dan gaya hidup orang Melayu, merangkumi pelbagai genre seperti dikir barat, joget, zapin, inang dan lain-lain.

2 Pengaruh Islam

Islam memainkan peranan penting dalam membentuk bunyi dan muzik Melayu, terutamanya dari segi kandungan lirik, corak irama dan konteks persembahan. Banyak lagu tradisional Melayu dan bentuk muzik menggabungkan unsur tema Islam, puisi dan zikir, mencerminkan pengaruh budaya Islam dan kerohanian.

3 Pertukaran Budaya dan Perdagangan

Lokasi di serata kepulauan Melayu menjadikannya tempat pertukaran budaya dan perdagangan selama berabad-abad. Akibatnya, bunyi dan muzik Melayu dipengaruhi oleh budaya jiran seperti Cina, India, Thai, Jawa dan Arab, antara yang lain. Pengaruh ini jelas terlihat dalam alat muzik, skala, melodi dan gaya persembahan yang terdapat dalam muzik Melayu.

4 Sejarah Kolonial

Sejarah kolonial termasuklah tempoh penjajahan oleh kuasa Eropah seperti Portugal, Belanda dan Britain, juga memberikan kesan kepada bunyi dan muzik Melayu. Pengaruh kolonial memperkenalkan elemen alat muzik dan genre muzik barat kepada muzik Melayu, menghasilkan bentuk dan gaya hibrid.

5 Modernisasi dan Globalisasi

Modernisasi dan globalisasi telah membawa perubahan dalam bunyi dan muzik Melayu. Gaya muzik popular barat seperti pop, rock, hip hop dan muzik tarian elektronik semakin berpengaruh menghasilkan genre fusion dan kolaborasi lintas budaya.

6 Teknologi

Kemajuan dalam teknologi, terutamanya dalam rakaman, pengeluaran dan pengedaran muzik juga memberi kesan kepada bunyi dan muzik Melayu. Teknologi digital dan internet telah memudahkan artis untuk mencipta, berkongsi dan mempromosikan muzik mereka menyebabkan kepelbagaian yang lebih luas dalam muzik Melayu.

Sistem penalaan dalam muzik tradisional Melayu berbeza daripada sistem *Western equal temperament* yang biasanya digunakan dalam muzik klasik. Muzik tradisional Melayu menggunakan sistem penalaan yang disesuaikan dengan keperluan dan estetika khusus dalam tradisi Melayu. Berikut ialah beberapa aspek penting sistem penalaan dalam muzik Melayu;

1 Penalaan fleksibel

Penalaan dalam muzik tradisional Melayu boleh menjadi fleksibel dan mungkin berbeza berdasarkan faktor-faktor serantau, budaya dan sejarah. Kawasan dan komuniti yang berbeza di Nusantara mungkin mempunyai keutamaan dan amalan penalaan sendiri, menyebabkan variasi dalam sistem penalaan di seluruh kepulauan Melayu.

2 Penalaan melalui pendengaran

Ahli muzik tradisional Melayu sering menala alat muzik mereka dengan mendengar daripada bergantung kepada tonjolan rujukan tetap atau penala elektronik. Penalaan boleh diubahsuai untuk memenuhi keperluan tertentu bagi satu karya atau kumpulan tertentu, menekankan kepentingan tradisi lisan dan pengamalan praktikal dalam muzik Melayu.

3 Penalaan khusus alat muzik

Alat muzik tradisional Melayu yang berbeza seperti rebab, gambus dan pelbagai alat muzik genderang mungkin mempunyai sistem penalaan dan konvensyen yang unik. Alat-alat ini mungkin ditala mengikut keperluan genre, repertoire atau konteks persembahan yang tertentu.

Berbeza dengan muzik klasik barat yang sering bergantung kepada harmoni fungsional dan gerak kord berdasarkan harmoni tertian (kord yang dibina dalam tiga), muzik Melayu menggunakan prinsip harmoni yang berbeza berdasarkan sistem penalaan dan amalan budaya. Hal ini termasuklah struktur harmoni bukan tertian dan interval yang bunyinya berbeza daripada yang terdapat dalam muzik barat.

Secara keseluruhan, sistem penalaan dalam muzik tradisional Melayu mencerminkan warisan budaya yang kaya dan kepelbagaian kepulauan Melayu. Ia merangkumi pelbagai skala, mod dan amalan penalaan yang menyumbang



kepada bunyi dan ciri unik muzik Melayu. Bunyi dan muzik Melayu dinamik dan merangkumi pelbagai dimensi yang mencerminkan gabungan tradisi asli, pengaruh agama, pertukaran budaya, warisan sejarah dan trend kontemporari. Pengaruh yang pelbagai ini menyumbang kepada kekayaan dan warna kehidupan dalam ungkapan muzik Melayu.

Rumusan dan harapan

Memahami dinamik sejarah kebudayaan dikir barat adalah penting agar adaptasi atau penyesuaian tidak mengabaikan sejarah dan realiti sosial.

Proses penciptaan hingga pentas persembahan, muzik dikir barat itu sebenarnya melibatkan penghasilan ilmu tempatan daripada bakat-bakat setempat. Dikir barat jelas memiliki sifat keanjalan, kerana ia sangat menitikberatkan keperluan dan keadaan rakyat semasa. Jika sifat

Para pendikir harus kreatif dalam mengusahakan suatu korpus ilmu yang lebih meluas dan inklusif supaya ia dapat mengajak kepada pertumbuhan intelektual, keadilan sosial serta memartabatkan manusia itu sendiri.

keanjalan ini diabaikan, ia berpotensi membuka ruang kepada elitisme yang tidak sepatutnya berlaku.

Kerangka klasik seperti temperamen Barat atau teori muzik Barat sering kali tidak mampu memahami atau menghargai muzik dikir barat secara tuntas. Hal ini tidak bermakna kita harus menolak ilmu dari Barat. Namun, para pendikir harus kreatif dalam mengusahakan suatu korpus ilmu yang lebih meluas dan inklusif supaya ia dapat mengajak kepada pertumbuhan intelektual, keadilan sosial serta memartabatkan manusia itu sendiri. Perkara ini sejajar dengan nilai kebudayaan dan kemanusiaan Melayu. Sebegitulah sifat seni muzik dikir barat yang merakyat. **S**

BIODATA



Mohamed Norazam Hakub Perjalanan saya dalam seni tradisional Melayu bermula pada tahun 1995 ketika saya berkecimpung dalam seni dikir barat. Ia lalu berkembang kepada seni wayang kulit, makyung dan silat. Dengan ilmu yang dipelajari, saya ingin berkongsi kepada generasi muda dengan harapan seni dikir barat ini

kekal dan berputik. Saya juga ingin melestarikan budaya Melayu ini untuk masyarakat, bukan sahaja untuk menghargai sejarah dan asasnya, malahan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam evolusi bentuk seni sambil menghormati inti patinya. Matlamat ini adalah untuk menciptakan ruang yang menggalakkan komuniti penggiat seni Melayu berkembang. Ruang ini juga yang akan memupuk kreativiti, keterangkuman dan kebanggaan dalam warisan kita.

Membawa Sastera Melayu ke Persada Dunia:

Pengalaman Seorang Penterjemah

Dr Nazry Bahrawi

Dalam dunia sastera, terjemahan memainkan peranan yang begitu penting dalam menyampaikan idea, emosi, dan cerita melangkaui sempadan bahasa dan budaya. Sebagai seorang penterjemah sastera, saya mendapati bahawa setiap karya yang saya terjemahkan membawa cabaran dan peluangnya yang tersendiri. Dalam artikel ini, saya ingin berkongsi pengalaman peribadi saya, termasuk perjalanan, cabaran, dan keindahan seni terjemahan seperti yang saya alami sepanjang kerjaya saya.

Permulaan sebagai penterjemah teks sastera

Saya masih ingat dengan jelas permulaan saya dalam dunia terjemahan sastera. Saya kira permulaan saya adalah secara kebetulan yang saya usahakan dengan sungguh-sungguh. Pada tahun 2012, saya pulang ke Singapura untuk berehat seketika daripada pengajian doktor falsafah saya. Ketika itu, saya berada di bawah bimbingan sarjana terjemahan terkenal, Susan Bassnett.

Hasrat saya pada waktu itu adalah untuk berkongsi ilmu, dan

saya mengambil peluang untuk menyampaikan kuliah tentang A.A. Navis dan terjemahan sastera di The Arts House. Tidak pernah terlintas di fikiran saya bahawa peluang ini akan membuka pintu kepada dunia terjemahan sastera yang begitu luas.

Selepas kuliah tersebut, seorang penulis skrip terkenal, Nadiputra, mendekati saya dan meminta saya menterjemahkan muzikalnya, iaitu *Muzika Lorong Buang Kok*. Karya ini menggambarkan kehidupan di kampung Melayu terakhir di Singapura. Kami berjumpa buat kali kedua semasa saya menerima undangannya untuk menonton sesi latihan pementasan tersebut.

Pengalaman itu menyedarkan saya tentang peri pentingnya memelihara tapak warisan, dan tanpa ragu-ragu, saya menerima cabaran itu. Dari situlah, bermulanya perjalanan saya sebagai seorang penterjemah sastera.

Proses terjemahan: Seni dan strategi

Setiap kali saya memulakan projek terjemahan yang baru, saya mendekatinya dengan perasaan ingin tahu dan rasa tanggungjawab. Bagi saya, terjemahan adalah lebih daripada sekadar memindahkan kata-kata daripada satu bahasa kepada bahasa lain. Terjemahan memerlukan pemahaman inti atau "roh" teks tersebut. Saya perlu menghayati gaya penulisan, metafora, dan falsafah yang



Bagi saya, terjemahan adalah lebih daripada sekadar memindahkan kata-kata daripada satu bahasa kepada bahasa lain. *Terjemahan memerlukan pemahaman inti atau “roh” teks tersebut.*

terkandung dalam teks asal. Namun, hal ini tidak bermakna saya berpegang pada konsep “kesetiaan mutlak” kepada teks asal. Malah, saya percaya bahawa kesetiaan seperti itu adalah mitos yang boleh membataskan kreativiti.

Sebagai contoh, ada kalanya saya perlu membuat keputusan penting yang melibatkan interpretasi karya. Dalam sesetengah situasi, saya menemui konflik yang mana nilai atau pandangan dunia berbeza antara teks asal dengan diri saya sendiri. Pada saat-saat seperti itu, saya sedar bahawa ketegangan tersebut sebenarnya boleh menjadi produktif. Hal ini mendorong saya untuk melihat teks dari sudut pandang yang lebih luas dan menghasilkan terjemahan yang lebih bererti.

Ketika saya mengusahakan karya yang mempunyai elemen emosi yang mendalam, seperti puisi atau cerpen yang kaya dengan makna tersirat, saya sering menghabiskan masa dengan membacanya secara berulang kali. Saya cuba memahami maksud sebenar setiap perkataan dan bagaimana ia boleh diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran tanpa kehilangan teras maksudnya. Perkara ini memerlukan banyak percubaan dan kesabaran, tetapi hasilnya selalunya bermakna.

Rujukan budaya

Salah satu cabaran terbesar dalam terjemahan sastera adalah menangani rujukan budaya atau *cultural references* seperti simpulan bahasa yang tiada padanan langsung

dalam bahasa sasaran. Saya sering mengingati nasihat Mona Baker, seorang sarjana terjemahan terkenal, yang mencadangkan beberapa strategi untuk mengatasi masalah ini. Strategi tersebut termasuk mencari simpulan bahasa yang serupa, menulis semula makna secara parafrasa, atau dalam keadaan paling terdesak, menghilangkan elemen tersebut. Walaupun saya cuba sedaya upaya untuk mengelakkan penghapusannya, adakalanya perkara ini tidak dapat dielakkan.

Saya teringat pengalaman saya sewaktu menterjemah cerpen “Cinta Gadis di Korea” oleh Mohamed Latiff Mohamed. Dalam karya ini, saya mendapati beberapa fakta tentang Korea yang tidak tepat.

Saya pernah menghadapi istilah tempatan yang tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa sasaran... seperti “gotong-royong” atau “adat.” Saya memilih untuk menjelaskan istilah ini melalui konteks cerita, memberikan gambaran kepada pembaca tentang maksud tersirat tanpa menghilangkan keunikan budaya asal.

Oleh itu, saya mengambil inisiatif untuk melakukan penyelidikan mendalam bagi memastikan ketepatan fakta dalam terjemahan saya. Saya juga mendapatkan maklum balas daripada seorang rakan dari Korea yang memberikan pandangan berharga tentang ketidaktepatan dalam cerita asal. Penyesuaian ini bukan sekadar membetulkan fakta, tetapi juga memastikan cerita tersebut relevan dengan pembaca moden yang kini lebih akrab dengan budaya Korea melalui kebangkitan K-Pop dan penyebaran drama Korea.

Bagi saya, setiap rujukan budaya ialah peluang untuk memperkaya karya terjemahan. Saya pernah menterjemah sebuah novel yang penuh dengan istilah tempatan yang sukar untuk diterjemahkan. Namun, saya mengambil pendekatan kreatif dengan menambahkan nota kaki dan glosari. Hal ini membantu pembaca untuk memahami konteks budaya tanpa mengubah nada asli karya tersebut.

Dalam sebuah projek terjemahan yang lain, saya pernah menghadapi istilah tempatan yang tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa sasaran. Contohnya, beberapa perkataan dalam bahasa Melayu yang sarat dengan konotasi budaya, seperti “gotong-royong” atau “adat.” Saya memilih untuk menjelaskan istilah ini melalui konteks cerita, memberikan gambaran kepada pembaca tentang maksud tersirat tanpa menghilangkan keunikan budaya asal.

Kepentingan penyelidikan

Penyelidikan ialah tunjang kepada setiap projek terjemahan yang saya lakukan. Saya percaya bahawa penterjemah bukan sahaja seorang penulis tetapi juga seorang penyelidik. Setiap teks yang saya terjemahkan memerlukan saya untuk menyelidik latar belakang budaya, sejarah dan sosialnya. Proses ini membantu saya memahami konteks teks dengan lebih mendalam dan memastikan terjemahan saya sesuai untuk khalayak sasaran.


Sebagai contoh, dalam projek menterjemah karya penulis Singapura, Farihan Bahron, saya perlu memahami nuansa permainan kata-kata yang digunakan oleh beliau. Gaya penulisannya yang kaya dengan aliterasi, asonansi dan permainan kata-kata memerlukan perhatian yang teliti untuk mengekalkan keindahan bahasanya dalam terjemahan saya. Proses ini sangat mencabar tetapi juga sangat memuaskan apabila saya berjaya menyampaikan maksud dan keindahan karya asal.

Selain itu, penyelidikan juga membantu saya mendalami bahasa sasaran. Saya sering membaca bahan bacaan kontemporari, termasuk akhbar, novel dan artikel ilmiah untuk memastikan bahasa saya relevan dan terkini. Bahasa adalah sesuatu yang sentiasa berubah, dan seorang penterjemah perlu sentiasa menyesuaikan diri.

Saya juga mendapati bahawa penyelidikan mendalam tentang konteks geografi dan sejarah sesebuah teks dapat memberi impak besar kepada hasil terjemahannya. Contohnya, sewaktu menterjemahkan sebuah



Saya melihat tugas penterjemah seperti seorang pelukis yang cuba meniru sebuah karya seni terkenal. Pelukis itu mungkin tidak dapat meniru setiap sapuan berus dengan tepat, tetapi dia boleh *menangkap “roh” karya tersebut dan menyampaikannya dengan cara yang asli.*



novel yang berlatarbelakangkan Indonesia pada zaman kolonial, saya meluangkan masa untuk membaca tentang adat dan budaya masyarakat ketika itu. Pemahaman ini membantu saya menghasilkan terjemahan yang lebih autentik.

Mengekalkan suara dan gaya pengarang

Satu aspek penting dalam kerja saya adalah mengekalkan suara dan gaya pengarang. Saya percaya bahawa penterjemah mesti mengenal pasti elemen terpenting dalam teks dan menjadikannya panduan utama dalam proses terjemahan. Walau bagaimanapun, saya juga sedar bahawa penterjemah ialah individu yang unik dengan suara dan gayanya tersendiri. Oleh itu, tugas saya adalah untuk menyalurkan inti pati teks tanpa kehilangan suara dan gaya pengarang penulis asal.

Sebagai analogi, saya melihat tugas penterjemah seperti seorang pelukis yang cuba meniru sebuah karya seni terkenal. Pelukis itu mungkin tidak dapat meniru setiap sapuan berus dengan tepat, tetapi dia boleh menangkap “roh” karya tersebut dan menyampaikannya dengan cara yang asli. Begitu juga dalam penterjemahan teks sastra, saya berusaha untuk mengekalkan inti teks asal sambil menambah sentuhan peribadi saya.

Dalam menterjemah karya dengan gaya penulisan yang unik, seperti dialog yang menggunakan slanga atau loghat tempatan, saya berusaha untuk mencari padanan yang setara dalam bahasa sasaran. Hal ini memerlukan kepekaan budaya yang mendalam agar pembaca dapat merasakan suasana yang sama seperti pembaca asal.

Saya juga sering berdiskusi

dengan rakan penterjemah untuk mendapatkan pandangan kedua mengenai gaya dan nada teks tertentu. Pendekatan kolaboratif ini sering menghasilkan gabungan kreatif terhadap cabaran terjemahan.

Mitos dan cabaran terjemahan teks sastra

Sepanjang pengalaman saya, saya mendapati bahawa terdapat banyak salah tanggapan tentang terjemahan teks sastra. Ramai yang menganggap bahawa ia hanya melibatkan pemindahan kata-kata daripada satu bahasa kepada bahasa lain. Namun, realitinya jauh lebih kompleks. Terjemahan teks sastra ialah cabang seni yang memerlukan pemahaman mendalam tentang budaya, konteks dan nuansa bahasa.

Saya juga menghadapi cabaran berkaitan dengan sokongan kepada penterjemah. Dalam



konteks Singapura, misalnya, ada kecenderungan untuk memberi tumpuan kepada karya ciptaan penulis Singapura sahaja. Hal ini boleh menyempitkan skop kerja penterjemah, terutamanya apabila bahasa sumber seperti bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan secara meluas di seluruh rantau Nusantara. Saya berharap akan ada lebih banyak sokongan untuk menterjemah karya daripada pelbagai latar budaya dan merentas sempadan negara.

Di samping itu, cabaran teknikal juga sering muncul. Saya pernah menghadapi situasi yang mana saya perlu menyesuaikan terjemahan saya untuk medium yang berbeza, seperti filem atau teater. Setiap medium mempunyai batasan-batasan tersendiri, dan penterjemah perlu kreatif untuk menyesuaikan teks tanpa kehilangan inti pati asal.

Perubahan dalam bidang terjemahan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, saya melihat perubahan yang menggalakkan dalam bidang terjemahan. Terdapat peningkatan pengiktirafan terhadap peranan penterjemah, terutamanya mereka yang berasal daripada budaya bahasa asal karya tersebut iaitu penutur natif bahasa tersebut. Sebelum ini, kebanyakan karya bukan Barat diterjemahkan oleh penutur asli bahasa Inggeris dari negara seperti Amerika, Britain atau Australia. Kini, terdapat usaha untuk mengetengahkan penterjemah daripada pelbagai latar belakang budaya.

Saya percaya bahawa perubahan ini penting untuk memastikan terjemahan yang lebih autentik dan bermakna. Sebagai seorang

Saya juga meraih peluang untuk memperkenalkan karya-karya yang kurang dikenali kepada pembaca yang lebih luas. Hal ini memberi saya ruang untuk menyumbang kepada *pemeliharaan dan penyebaran warisan budaya*.

penterjemah dari Nusantara, saya mempunyai tanggungjawab untuk membawa suara dan perspektif budaya saya ke persada dunia yang lebih luas.

Teknologi juga memainkan peranan penting dalam perubahan ini. Alat terjemahan berasaskan kecerdasan buatan semakin canggih, tetapi saya percaya bahawa peranan manusia tetap penting. Hanya seorang manusia yang dapat memahami nuansa emosi dan budaya dalam sebuah teks.

Selain itu, saya melihat banyak usaha yang diterapkan untuk mendokumentasikan pengalaman dan proses penterjemahan. Bengkel, jurnal

dan forum dalam talian kini menjadi ruang penting untuk para penterjemah berkongsi amalan dan pendekatan yang terbaik.

Keseronokan menterjemah teks sastra

Menterjemah teks sastra adalah pengalaman yang penuh dengan keseronokan dan kepuasan. Saya seronok menterjemah cerpen yang memiliki keindahan bahasa seperti permainan aliterasi dan asonansi. Walaupun cabarannya besar, hasilnya sering kali berbaloi.

Salah satu pengalaman yang paling mencabar adalah menterjemah

pantun. Saya perlu memastikan pola rima dan makna asal tetap terjaga. Proses ini memerlukan kreativiti dan ketelitian yang luar biasa, tetapi kepuasan apabila berjaya menyelesaikannya tidak ternilai.

Saya juga meraih peluang untuk memperkenalkan karya-karya yang kurang dikenali kepada pembaca yang lebih luas. Hal ini memberi saya ruang untuk menyumbang kepada pemeliharaan dan penyebaran warisan budaya.

Selain itu, terdapat juga aspek pembelajaran peribadi. Setiap teks

yang saya terjemahkan mengajar saya sesuatu yang baharu, sama ada tentang budaya, sejarah atau falsafah yang terkandung dalam karya tersebut. Proses ini adalah perjalanan pembelajaran yang tidak pernah berakhir.

Memupuk kemahiran bahasa

Untuk memastikan bahawa kemahiran bahasa saya sentiasa ampuh, saya berusaha untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda dengan keluarga dan rakan-rakan. Saya juga membaca karya sastra dalam bahasa asalnya

sebanyak mungkin. Amalan ini membantu saya kekal peka terhadap perubahan dalam bahasa sumber dan sasaran saya.

Saya juga sering menghadiri bengkel dan persidangan terjemahan untuk belajar daripada penterjemah lain. Pengalaman ini membantu saya meningkatkan kemahiran saya dan membuka minda kepada pendekatan baharu.

Selain itu, saya mendapati bahawa penterjemahan teks klasik adalah cara yang baik untuk mengasah kemahiran bahasa. Tugas ini memberikan cabaran unik kerana gaya bahasa klasik berbeza dengan gaya bahasa moden, dan hal ini memperkaya pemahaman saya terhadap evolusi bahasa.

Penterjemahan sastra adalah lebih daripada sekadar kerja teknikal. Ia adalah seni yang memerlukan kreativiti, pemahaman budaya dan kemahiran linguistik yang mendalam. Dalam era globalisasi ini, penterjemah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan karya sastra kepada khalayak yang lebih luas.

Saya berasa bangga dapat menyumbang kepada usaha ini dan berharap lebih banyak karya sastra akan diterjemahkan untuk memupuk pemahaman silang budaya di seluruh dunia. **S**

Nasihat Kepada Penterjemah Muda

Kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang ini, nasihat saya adalah untuk **membaca secara meluas dan mendalam**.

Kita ialah pembaca dan pentafsir terlebih dahulu sebelum menjadi penterjemah. Membaca karya yang **beraneka genre** membantu kita memahami gaya dan teknik yang berbeza, dan hal ini amat penting dalam seni terjemahan.



Saya juga menasihatkan penterjemah muda agar tidak takut untuk **mencuba genre yang berbeza**. Setiap genre membawa cabaran uniknya yang tersendiri, namun ia juga memberi peluang untuk berkembang sebagai penterjemah.

Selain itu, penting juga untuk membina rangkaian dengan penterjemah lain.

Komuniti penterjemah sering menjadi sumber inspirasi dan sokongan, terutamanya ketika menghadapi cabaran yang sukar.

BIODATA



Dr Nazry Bahrawi ialah seorang ahli akademik dan penterjemah dari Singapura yang kini tinggal di Seattle.

Beliau mengajar

kursus-kursus mengenai sastra dan budaya Asia Tenggara di University of Washington. Dr Nazry juga ialah editor dan penterjemah *Singa-Pura-Pura* (2021), sebuah antologi cerpen spekulatif Melayu. Beliau telah menterjemahkan *Lost Nostalgia* (2017) oleh Mohamed Latiff Mohamed dan *Lorong Buang Kok, The Musical* (2012) oleh Nadiputra daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Beliau juga merupakan editor majalah *Wasafiri*.





Kru, pelakon dan Pengarah/Penerbit 5-episod drama period *Selatan Semenanjung*, sewaktu penggambaran di Jogjakarta 1996.

Perjalanan Seni *Jamal Ismail*

“Menulis adalah bekerja untuk keabadian.”

PRAMOEDYA ANANTA TOER

Begitulah usaha murni sang pengkarya yang tidak jenuh menuang idea dalam bentuk simbol-simbol bahasa. Melalui perkataan dan emosi yang terpahat di atas kertas, penulis mewariskan sebahagian daripada dirinya kepada dunia. Setiap perkataan adalah satu jejak kekal yang menghubungkan masa lalu, masa kini, dan masa hadapan. Menulis itu seperti mencipta keabadian. Sastera itu penyambung warisan. Sasterawan itu dikenang sepanjang zaman.

Sasterawan Pak Jamal Ismail memang tidak asing lagi dalam kalangan penulis setempat mahupun pada peringkat serantau. Penerima Anugerah Tun Seri Lanang (TSL) pada tahun 2023 dalam majlis Anugerah Persuratan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura, Pak Jamal Ismail merupakan seorang penulis yang berprolifik yang telah lama berkecimpung dalam bidang persuratan dan penyiaran. Pengiktirafan tertinggi, penerima Anugerah TSL boleh dianggap sebagai tokoh seni yang ulung di mata masyarakat.

Ayuh kita menelusuri perjalanan seni Pak Jamal Ismail.

Langkah pertama

Dilahirkan oleh seorang ibu bernama Sembok Md Akib, buta huruf tetapi celik Al Quran keturunan Bugis; seorang yang gemar menggunakan bahasa daerah sehari-hari dan kerap memberi pesanan tentang keperitan hidup dan mengajar erti syukur. Hal ini mempengaruhi pengkaryaan

Gambar Jamal Ismail bersama keluarga.



dan kehidupan Pak Jamal. Ayahnya pula, Koperal Ismail Osman, seorang warden penjara dan penulis cerpen menggunakan nama samaran Isman Jaya yang telah mewariskan dan memberi inspirasi kepada beliau dalam bidang penulisan.

Bapanya pernah belajar kaedah menulis daripada Tan Sri Samad Ismail, semasa tokoh wartawan itu ditahan di Pulau Sekijang pada awal tahun 1950-an. Sebagai penulis, arwah bapanya mempunyai beberapa koleksi buku yang sempat dibaca oleh beliau; 'Hikayat Hang Tuah' ketika berusia 9 tahun dan novel 'Salina' pada usia 14 tahun. Cerpen sulung Pak Jamal iaitu 'Satu Pilihan' yang tersiar di Radio Singapura pada tahun 1972, disunting oleh bapanya.

Merenung kembali awal penulisan Pak Jamal pada tahun 1970-an, beliau berkongsi, "Saya dirangsang oleh adik saya, Allahyarham Abdul Aziz Ismail atau Izmas, yang turut menyumbang kepada dunia sastera Singapura pada tahun 1970-an dan 1980-an. Kami bersaing, dan arwah selalu menang kerana Allahyarham sangat prolifik, sedangkan saya cerewet memilih tema dan persoalan dalam berkarya."

Bibit-bibit imaginasi dipupuk melalui penceritaan datuk angkat sebelah bapanya, Yai Punjol Kawar. Watak-watak dongeng alami dan persekitarannya dihidupkan pada hampir setiap malam sebelum tidur. Imaginasi itu sungguh kuat mencengkam dalam dunia angan-angan Pak Jamal pada zaman kanak-

kanak semasa membesar dan bersekolah di Kampung Parit Ju, Batu Pahat. Seperti kebanyakan penggemar cerita lisan, beliau



Penggambaran 2-episod drama 'Asap Peluru Bunga Cinta' terbitan Unit Drama TV Melayu Singapore Broadcasting Corporation 1992.

"Saya dirangsang oleh adik saya, Allahyarham Abdul Aziz Ismail atau Izmas, yang turut menyumbang kepada dunia sastera Singapura pada tahun 1970-an dan 1980-an. Kami bersaing, dan arwah selalu menang kerana Allahyarham sangat prolifik, sedangkan *saya cerewet memilih tema dan persoalan dalam berkarya.*"

terdidik berfikir dalam siri bingkai gambar yang ada kesan bunyi. Hal ini mempengaruhi pembinaan gambaran visual yang menjadi stail penulisan dan membantunya memahami keperluan asas industri penyiaran TV dan filem.

Yang tercorak dan yang mencorak

Selain keluarga, pengaruh rakan-rakan seperjuangan di Kelab Penulisan Perpustakaan Toa Payoh turut meninggalkan kesan terhadap pembangunan awal dunia penulisan dan teater. Sapiee Ahmad Razaly, Allahyarham Kadir Pandi, Rohman Munasip, Rahim Basri, Elias Yusoff, Sarifah Yatiman dan Norulashikin Jamain memainkan peranan penting dalam membina keyakinan diri dan memupuk semangat setia kawan dalam perjuangan. "Dalam menggalas kerja-kerja berwawasan, perlulah berjemaah!" tekan beliau.

Seorang lagi insan yang sangat istimewa ialah sahabat paling kritikal, Asmin. Mereka sebaya dan sering berdebat tentang kebudayaan serta mengajarnya untuk melihat dunia kesusasteraan dari pelbagai sudut pandang. Beberapa cerpen awal beliau seperti 'Cung! Cung!! Cung!!!', 'Hikayat Hang Kulup' dan 'Kekucingan' ialah inspirasi daripada perbincangan dengan sahabat istimewa ini. Asmin juga orang pertama yang membaca manuskrip novel sulung beliau, 'Songsang' dan membantunya mendapatkan khidmat percuma seorang jurutaip kerana novel itu ditulis tangan. Malah beberapa sisi keperibadian beliau menjadi model dalam cerpen-cerpen beliau seperti 'Hikayat Hang Kulup' dan yang terbaharu 'Bang Somad Mandi di Masjid'.

Pak Jamal menerangkan bahawa pengelola ruangan seni dan sastera akhbar Berita Harian (BH) dan Berita Minggu (BM) Singapura pada suatu ketika dahulu memainkan peranan penting untuk menentukan kewujudan seseorang penulis. Hal ini kerana media surat khabar merupakan satu-satunya

Kerja seni menemukan Jamal Ismail dengan pelbagai tokoh yang disegani masyarakat.



wadah yang tersedia pada waktu itu.

Pemikiran kreatif aset penting bagi penulis untuk menghasilkan modal berfikir dalam pengkaryaan. Antara yang membentuk keperibadian beliau sebagai pengkarya ialah Allahyarham Muhammad Ismail Abdullah (MIA) yang mementingkan tema dan persoalan dalam berkarya. Encik Yatiman Yusof, Editor BH/BM pada waktu itu juga sentiasa mencabar kemampuan kreatif beliau.

Dalam bidang penyiaran, beliau bersyukur kerana dipertemukan dengan individu seperti Allahyarham Bani Buang dan sahabat penyiaran Hamed Ismail yang sering mendorong beliau untuk menghasilkan penerbitan rancangan-rancangan drama TV yang bermutu dan diminati penonton. "Allahyarham Bani Buang, bukan sahaja sebagai ketua, tetapi rakan seperjuangan yang sangat memahami gejolak jiwa dan kreativiti saya sebagai pengarah dan penerbit drama yang inginkan pembaharuan. Kehadiran Hamed Ismail merupakan pelengkap keinginan untuk menghasilkan drama TV yang bermutu,"

Selepas bergelanggang secara bebas di Kuala Lumpur selama 3 tahun, menghasilkan program-program telemovie dan dokumentari, Pak Jamal diundang oleh Encik Basir Siswo selaku Pengurus Stesen SURIA untuk turut sama *mewarnai rancangan-rancangan di stesen TV swasta pertama di Singapura.*

kata beliau. Hasil perbincangan inilah terbitnya 2-episod drama 'Asap Peluru Bunga Cinta', siri 'Sayang Mona' dan 'Bukan Milik Kita' yang menjadi kebanggaan Unit Drama TV Melayu, Singapore Broadcasting Corporation pada tahun 1990-an dahulu.

Encik Basir Siswo memainkan peranan penting dalam memberikan peluang kepada beliau untuk berkarya

semula di Singapura pada awal penubuhan Stesen SURIA, Mediacorp. Selepas bergelanggang secara bebas di Kuala Lumpur selama 3 tahun, menghasilkan program-program telemovie dan dokumentari, Pak Jamal diundang oleh beliau selaku Pengurus Stesen SURIA untuk turut sama mewarnai rancangan-rancangan di stesen TV swasta pertama di Singapura.

Kebebasan yang diberikan untuk melahirkan drama di luar kotak menyaksikan kelahiran 'Selatan Semenanjung' siri drama 5 episod yang mempunyai latar waktu darurat di Malaya pada tahun 1950-an. Itulah kali pertama, drama TV Melayu Singapura membuat penggambaran di luar negara, iaitu di Jogjakarta. Penggambaran dijalankan di dalam gerabak kereta api dan menggunakan pyro, iaitu kesan letupan dan api.

Ini diikuti oleh siri drama 7 episod 'Pasir Panjang Roboh' yang diulang siar sebanyak 3 kali dalam setahun sangking popularnya. Siri drama ini menagih kemampuan Pak Jamal membangunkan kembali kampung Pasir Panjang dan sekitarnya seperti zaman awal tahun 1970-an. Isu-isu sosioekonomi dan perpindahan penduduk pulau-pulau selatan Singapura seperti Pulau Sudong ke Tanah Besar yang diangkat dalam siri drama ini telah menarik perhatian penerima Anugerah TSL 2019, Saudari Rasiah Halil. Beliau mencadangkan agar siri drama ini didaptasi ke dalam bentuk novel. Maka lahirlah 'Ombak Selatan' dengan beberapa perubahan sesuai untuk bacaan umum dan sebagai rujukan. Kemuncak daripada pelibatan dalam bidang penyiaran ini, lahirlah 'BARA' iaitu siri drama remaja selama 3

“Penganugerahan Tun Seri Lanang 2023 itu menjadi detik penting dalam pengkaryaan saya. Menjadi pendorong atas dedikasi, bakat, dan usaha kepada penulisan. Mendesak untuk meningkatkan saham saya kepada *perkembangan dan pemeliharaan warisan sastera dan budaya.*”

musim yang memaparkan fenomena remaja pada akhir abad ke dua puluh.

Peribadi-peribadi yang disebut tadi merupakan insan-insan istimewa yang membina dan menyuburkan pertumbuhan awal serta pembangunan kreativiti beliau dalam dunia kesusasteraan dan penyiaran.

Bakat itu anugerah

Beliau memanjatkan kesyukuran kerana diberi kesempatan untuk memanfaatkan dan mengimarahkan kekayaan khazanah Melayu dengan mendapat kepercayaan daripada beberapa penerbit buku setempat; Eastern University Press, untuk kumpulan cerpen sulung 'Yang' 1982, dan Perkumpulan Seni Singapura untuk novel 'Songsang' 1984. Setelah berehat selama lebih 30 tahun daripada dunia persuratan kerana menumpukan kreativiti dalam bidang penyiaran, penerbit Kreatif Hands & Associates mempelawa beliau untuk menerbitkan kumpulan cerpen 'Yang Kekucingan' 2016, diikuti pula kumpulan cerpen 'GOD(A)' 2018, novel 'Tunjuk Langit' 2019 oleh Unggung Creative; Prakxis

untuk novel 'Ombak Selatan' 2021 dan terbaharu Majlis Pusat Singapura untuk novel 'MUSTAFA: Epik Kerohanian Seorang Kiai' 2022. Beberapa buku tersebut telah memenangi Hadiah Sastera Majlis Pusat Singapura, Hadiah Buku Kebangsaan, Anugerah Persuratan Singapura dan Hadiah Sastera Singapura.

Dalam bidang penyiaran TV, beberapa karya beliau juga telah menerima anugerah seperti Anugerah Loheh Noor 1997 daripada Kementerian Penerangan, Republik Islam Iran untuk dokumentari 'Islam di China'; Drama Terbaik untuk siri 'BARA' di Pesta Perdana Suria Mediacorp Singapura 2000; disenarai pendek untuk skrip telemovie 'Ilham Suci' Anugerah Skrin TV3 Malaysia 2005, Telemovie Terbaik 'Sanggul Beracun' 2011 dan Siri Drama Terbaik 'Keluarga Iskandar' 2012. Anugerah terkini yang diterimanya ialah Anugerah TSL 2023.

Hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa

Apabila ditanyakan pengertian Anugerah Tun Seri Lanang kepada beliau, ini penjelasannya. "Penganugerahan itu menjadi detik penting dalam pengkaryaan saya. Menjadi pendorong atas dedikasi, bakat, dan usaha kepada penulisan. Mendesak untuk meningkatkan saham saya kepada perkembangan dan pemeliharaan warisan sastera dan budaya. Memperkuat citra sastera Melayu di mata masyarakat, serta memberi inspirasi kepada generasi muda untuk terus menekuni dan menghargai kekayaan budaya dan bahasa Melayu di Singapura."



Jamal Ismail (berbaju putih) aktif dalam dunia produksi penyiaran.

Namun, beliau juga melihat sisi kedua iaitu aspek tanggungjawab. Sebagai penerima anugerah, menjadi tanggungjawab penerima untuk terus mempertahankan piawaian karya sastra yang telah ditanda aras dan menagih untuk terus berinovasi, mengasah keterampilan menulis, serta menghasilkan karya-karya yang bermutu. Penulis yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah TSL merupakan suri teladan yang harus melibatkan diri, memberi motivasi dan inspirasi kepada penulis muda untuk terus menerokai bakat mereka sendiri dalam dunia sastra.

Beliau menekankan bahawa seorang penerima Anugerah TSL memiliki tanggungjawab untuk terus terlibat dalam pembangunan dan pemeliharaan ekosistem sastra yang sihat. Tanggungjawab ini termasuklah usaha mendukung penerbit setempat sebagai editor, memeriahkan festival sastra, serta melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang memperkukuh kegiatan di medan sastra.

Dengan demikian, menerima Anugerah TSL bukan hanya merupakan penghargaan atas prestasi individu, tetapi juga membawa tanggungjawab yang besar untuk terus memperjuangkan keunggulan dalam dunia sastra serta memainkan peranan aktif dalam memajukan dan melestarikan warisan sastra Melayu.

Ekologi persuratan yang sihat

Negara Singapura beruntung kerana memiliki prasarana yang baik dalam membangun dunia persuratan Melayu setempat. Sebagai contoh, pada peringkat nasional, agensi-agensi pemerintah seperti Majlis Buku Singapura (SBC), Majlis Seni Kebangsaan (NAC), Yayasan Warisan Melayu (MHF) dan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan juga kumpulan penulis-penulis Melayu seperti ASAS'50 menyokong kegiatan penulisan, penerbitan, penganugerahan dan acara-acara kesusasteraan dalam bahasa Melayu. Pada peringkat serantau pula, program-program kesusasteraan yang dianjurkan oleh MASTERA, DBP Malaysia, Gapena dan PENA terus menyemarakkan lingkungan persuratan. Melalui subsidi,

“Karya sastra harus diangkat menjadi multidimensi. Memudahkan karya-karya penulis diterbitkan dalam berbagai genre untuk bacaan generasi millennial, dan keanekaragaman karya-karya sastra Melayu dapat membantu meningkatkan jangkauan karya-karya tersebut.”

geran, atau program-program lain, usaha ini boleh diperluas dan dinilai tambah agar penulis dan penerbit terus terangsang berkarya dan berkembang.

Subjek sastra Melayu ditawarkan di sekolah menengah dan maktab rendah. Bahan-bahan bacaan sastra setempat didedahkan melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Untuk perkembangan selanjutnya, beliau percaya bahawa program-program pendidikan dan kesedaran perlu dilipat ganda bagi meningkatkan minat dan apresiasi terhadap kesusasteraan Melayu dalam kalangan masyarakat Singapura. Ini termasuklah program-program perkongsian dan bedah karya kelolaan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB), dan bengkel penulisan, seminar dan forum sastra, serta program-program pendidikan yang mempromosikan budaya membaca dan menulis karya kreatif, tradisional dan kontemporari. Tidak terkecuali program mempromosi penulis dan karyanya.

Pak Jamal akur bahawa wadah dalam talian seperti forum, blog sastra, dan jaringan web dapat menjadi wahana untuk perkongsian dan percambahan idea, menampilkan karya, dan membangun serta menjalin kelompok penulis dan pembaca. “Di era digital, platform-platform seperti ini perlu dibangun dan didedahkan kepada para penulis. Karya sastra harus diangkat menjadi

multidimensi. Memudahkan karya-karya penulis diterbitkan dalam berbagai genre untuk bacaan generasi milenial, dan keanekaragaman karya-karya sastra Melayu dapat membantu meningkatkan jangkauan karya-karya tersebut,” jelas beliau.

Pak Jamal tidak menolak manfaat platform medsos seperti TikTok, WhatsApp dan YouTube untuk memancing minat masyarakat kepada kesusasteraan. Stesen SURIA, Mediacorp juga harus didesak membuka pintunya mengalu-alukan karya-karya novel menjadi siri drama TV.

Aset paling bernilai bagi sastra Melayu ialah bakat-bakat baharunya. Beliau merasakan bahawa program-program mentoring, residensi penulis, dan penghargaan-penghargaan sastra yang sedia ada harus ditingkatkan untuk mendorong pengembangan dan prestasi bakat-bakat ini.

Usahasama untuk membangun jaringan antara penulis, penerbit, ahli akademik, dan pencinta sastra Melayu juga anak kunci memperkaya ekosistem sedia ada. Ini termasuklah usahasama silang industri, seperti kolaborasi antara penulis dengan artis media visual dan digital, komposer, pemuzik, pereka rancangan, penulis, dan individu-individu kreatif untuk memberikan dimensi baharu kepada karya-karya sastra.

Penterjemahan juga mempunyai kepentingan yang signifikan. Pak Jamal berpendapat bahawa usaha menterjemahkan karya-karya Melayu ke bahasa-bahasa dunia membolehkan karya-karya sastra Melayu diperkenalkan kepada pembaca global selain membantu mempromosikan budaya, sejarah, dan warisan Melayu kepada dunia luar. Hal ini juga boleh menjadi jambatan antara budaya yang membolehkan dialog dan pemahaman antara masyarakat yang berbeza. Bahkan projek ini dapat memperkaya sastra dunia dengan perspektif dan cerita-cerita unik dari Melayu Singapura dan membantu memperluas kanon sastra global. “Dengan penterjemahan, karya-karya sastra Melayu dapat menjangkau lebih ramai pembaca dan memperkaya dunia sastra secara keseluruhan,” rumus beliau.



Novel Encik Jamal Ismail disenarai pendek dalam Hadiah Sastera Singapura 2024.

“Keberlangsungan dunia kesusasteraan Melayu Singapura sangat bergantung kepada golongan muda, terutama para pelajar agar mendekati dan memesrai dunia penulisan kreatif.”

Tak kenal maka tak cinta

“Keberlangsungan dunia kesusasteraan Melayu Singapura sangat bergantung kepada golongan muda, terutama para pelajar agar mendekati dan memesrai dunia penulisan kreatif,” kata Pak Jamal. Apabila ditanyakan cara-cara yang boleh diambil untuk memberi motivasi kepada golongan muda agar berjinak-jinak dalam bidang penulisan, beliau menerangkan beberapa perkara. Pertama, dengan memupuk minat pembaca muda terhadap bahan-bahan bacaan yang pelbagai, sama ada jenis fiksi atau non-fiksi. Berkongsi kisah-kisah inspirasi tentang kehebatan bangsa Melayu yang pernah pada suatu ketika dahulu membangun

empayar di kawasan Nusantara dan sekali gus menjadikan bahasa Melayu sebagai lingua franca juga mampu untuk membangkitkan jati diri Melayu.

Kedua, meluaskan akses kepada bahan-bahan bacaan dan sumber daya penulisan lainnya. melangkaui gedung ilmu seperti perpustakaan. Pihak NLB perlu terus menggiatkan usaha yang telah lama mereka orak ini untuk mendekati golongan ini pada peringkat masyarakat.

Selain mengadakan bengkel, peraduan, dan kelompok diskusi sastera untuk membantu golongan ini menemukan gaya penulisan dan jati diri mereka sendiri, mereka juga perlu ditunjukkan tentang kemampuan sastera dan penulisan kreatif sebagai

wadah mengekspresikan diri.

“Bagaimanakah golongan ini boleh menjadi wira, merasa dihargai dan mendapat apresiasi masyarakat melalui tulisan tanpa takut akan penilaian negatif. Dorong mereka untuk menulis tentang apa pun yang mereka sukai, termasuk cerita fiksi, puisi, atau artikel non-fiksi,” tambah beliau.

Dengan memberikan motivasi, dukungan, dan sumber daya yang tepat, beliau yakin kita dapat membantu golongan muda untuk meneroka dan mengembangkan bakat mereka dalam bidang penulisan. **S**

BIODATA



Jamal Ismail

ialah seorang penulis dan penggiat seni sastera yang prolific dari Singapura. Beliau dikenali sebagai novelis,

pengarah, penerbit televisyen dan penulis skrip yang berbakat. Jamal telah menghasilkan pelbagai karya bermutu yang mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu di Singapura dan pengalaman budaya setempat. Beliau meraih beberapa anugerah berprestij, termasuk Anugerah Tun Seri Lanang pada 2023. Antara karya beliau ialah novel *Ombak Selatan*, yang menggambarkan kehidupan masyarakat pesisir pantai Singapura pada tahun 1970-an, dan *Mustafa: Epik Kerohanian Seorang Kiai*, yang merangkumi elemen sejarah dan rohani. Jamal juga diiktiraf melalui karya cerpen dan novel seperti *GOD(A)* dan *Tunjuk Langit*, yang memenangi Anugerah Persuratan pada 2020-2021. Beliau tidak hanya aktif dalam dunia sastera, tetapi juga dalam penghasilan dokumentari dan drama. Jamal berkongsi tip-tip penulisan kepada penulis muda dengan menekankan pentingnya sensitiviti terhadap kehidupan sekeliling sebagai inspirasi karya sastera. Melalui karya-karyanya, Jamal terus mengangkat naratif kehidupan Melayu dengan optimisme dan kritikan yang mendalam.

Memintal Lensa: *Menyingkap Sisi Budayawan Munshi Abdullah*

Amirul Hakim

Catatan kritis oleh Munshi Abdullah dalam karya-karyanya telah memberi sisi ketokohan yang pelbagai tentang dirinya. Corak penulisannya yang menyimpang daripada gaya penulisan sastera istana dan sifat keakuannya dalam gaya persuratan telah membuatnya digelar sebagai Bapa Kesusasteraan Moden (Skinner, 1959). Munshi Abdullah ialah seorang penulis yang produktif pada zamannya. Selain daripada menterjemahkan beberapa karya daripada bahasa asing/Inggeris kepada bahasa Melayu, Abdullah telah menghasilkan beberapa karya asli yang sarat dengan pemikiran kritis dan rasional. Antara karyanya yang masyhur dan pantas diamati ialah *Syair Singapura Terbakar* (1830), *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1849).

Pandangan dan pemikiran Abdullah yang terkandung dalam penulisannya telah melahirkan perspektif yang pelbagai tentang dirinya. Selain daripada Bapa Kesusasteraan Moden, Abdullah sering dianggap sebagai tali barut penjajah, anti-Islam dan anti-Sultan. Malah sewaktu hayatnya, Abdullah telah dilabel/dicemar/diejek sebagai Abdullah Paderi kerana telah menterjemahkan kitab Injil kepada bahasa Melayu. Namun, jika diteliti dengan lebih mendalam akan inti sari daripada penulisan Abdullah, kita dapat menghargai sisinya sebagai budayawan yang tidak lepas membicarakan tentang perihal keilmuan dan kemajuan masyarakat Melayu.

Demi menghargai Munshi Abdullah sebagai seorang budayawan yang unggul dan masih relevan pada hari ini, konsep dan pengertian budayawan harus diperluas. Pemaknaan “budayawan” usah

disempitkan kepada aktivis atau pelestari warisan dan budaya semata, tetapi perlu dikembangkan mandalanya sebagai seseorang yang tinggi budi dan sigap dayanya. Budi itu sering dikaitkan dengan ‘akal’ dan terlahir sebuah simpulan bahasa ‘akal budi’. Abdul Halim (2009) meringkaskan akal budi sebagai cerminan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan. Dari sudut sejarah makna, istilah budi (buddhi) dan budaya (buddhayah) yang mempunyai akar dalam bahasa Sanskrit membawa erti intelek sejagat atau universal yang mampu menilai baik dan buruk. Seiring dengan apa yang terakam dalam satu kitab sastera klasik Melayu, *Taj as-Salatin* yang dikarang oleh Bukhari al-Jauhari, budi itu dijulung sebagai elemen penting yang membentuk kemanusiaan.



Hikayat Abdullah dalam simpanan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB).

*"Dengar olehmu, hai budiman
Budi itulah sesungguhnya pohon ihsan
Kerana ihsan itu peri budinyalah
Jika lain maka lain jadilah.
Orang yang berbudi itu kayalah
Yang tidak berbudi itu papalah
Jika kau dapat erti alam ini
Dan budi kurang padamu di sini
Sia-sialah jua adamu..."*

*"Budi sungguh yang menunjuk insan
Insan itulah yang budiman
Haiwanlah orang yang bukan berbudi
Rupanya insan adanya haiwan..."*

Justeru, dengan pengertian budi yang sebegini lantas diadun dengan daya untuk menerajui kecemerlangan, seseorang tokoh itu dapat dinilai sebagai budayawan yang unggul dalam masyarakat. Sisi Munshi Abdullah sebagai seorang budayawan menampilkan dirinya yang prihatin akan kemajuan masyarakat, berani menentang fasad dan cerdik sebagai seorang ilmuwan.

Budayawan Sang Pendukung Ilmu

Sejak awal usianya, Munshi Abdullah sudah terdedah kepada budaya ilmu yang subur. Neneknya merupakan guru al-Quran dan bapanya gigih memberi asuhan sehingga terbina satu kecintaan kuat terhadap ilmu dalam diri Munshi Abdullah. Hubungan yang padu terhadap ilmu ini telah membentuk kebijaksanaannya sehingga dia berkebolehan untuk mengajar pelajaran bahasa dan agama, khususnya kepada askar-askar di Melaka lalu memperoleh gelaran "Munshi". Peranan dan sikap Abdullah yang memperjuangkan budaya ilmu dalam masyarakatnya

Abdullah mengibaratkan bahasa itu sebagai belukar dan menyebut bahawa ***kalau kita tidak tahu selok-belok memasukinya, kita akan terjebak dan "hancur badannya" ditikam "duri".***

ialah sesuatu yang patut kita hargai dan angkat sebagai nilai seorang budayawan. Bagi Abdullah, ilmu itu ialah aset yang membangunkan kemanusiaan dan memajukan ketamadunan.

Setelah dididik dengan disiplin daripada usia muda dalam bacaan al-Quran, Abdullah memandang pendekatan terhadap pengajian al-Quran dengan lebih menyeluruh. Beliau mula mempersoalkan cara mengaji al-Quran yang dibiasakan dalam masyarakatnya. Abdullah kian sedar bahawa masyarakatnya yang sudah mampu untuk membaca al-Quran, namun masih tidak mempunyai pemahaman akan makna yang terkandung dalam kitab suci itu. Abdullah mencatat kekusarannya akan hal ini dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*.

"Barangkali dalam seribu tiada seorang yang mengetahui erti kor'an dengan betulnya".

Hal ini berpuccuk daripada kelemahan orang Melayu yang tidak menguasai bahasa Melayu untuk memahami terjemahan al-Quran dan tidak fasih dalam bahasa Arab untuk memahami apa yang dibaca secara langsung. Kelemahan ini berlarutan lantaran orang Melayu tidak mahu berusaha untuk mencari guru yang mengajarkan bahasa Melayu dan Arab seperti yang diperhatikan Abdullah (Aisah, 1996).

"Kerana pada fikiran orang-orang sekalian tiada patut dipelajari akan bahasa Melayu itu, sebab ia itu bahasa kita sendiri; dan lagi pula daripada zaman nenek moyang pun tiada pernah pula orang menaruh tempat belajar bahasa Melayu, melainkan mengaji Qur'an sahaja; dan patut dibelajarkan bahasa Arab kerana ia itu yang berguna kepada agama, dan lagi dalam akhirat."

Refleksi Abdullah yang sedemikian menggambarkan kecelikannya tentang peranan bahasa Melayu dan Arab sebagai kunci penting untuk mendalami ilmu yang terkandung dalam al-Quran. Hal ini seiring dengan gagasan Al-Attas (1969) yang mengungkap bahawa bahasa Melayu dengan serapan istilah Arab bergerak sebagai wacana falsafah dan pemikiran rasional, mendukung ilmu Islam yang sesuai dengan anjuran al-Quran.

Secara tidak langsung, kita dapat melihat kritikan Abdullah terhadap masyarakatnya yang enggan mempelajari bahasa Melayu kerana menyangka bahawa mereka telah memiliki bahasa itu dan tidak perlu dipelajari. Abdullah bertegas dan mengkritik keras apabila masyarakat Melayu mengambil enteng tentang bahasa mereka sendiri sementelah dibandingkan dengan orang asing yang sanggup mendalami bahasa Melayu. Abdullah mengibaratkan bahasa itu sebagai belukar dan menyebut bahawa kalau kita tidak tahu selok-belok memasukinya, kita akan terjebak dan “hancur badannya” ditikam “duri” (Taib, 2004).

Abdullah yang lantang mengkritik masyarakat Melayu tentang hal ini seringkali memberi pujian kepada pembesar-pembesar Inggeris kerana mereka bersungguh-sungguh mempelajari bahasa yang indah ini. Walaupun begitu, Abdullah tetap bersikap adil dan cukup marah tatkala pembesar Inggeris cuba merosakkan bahasa Melayu. Hal ini terlihat apabila Abdullah melahirkan rasa tidak puas hatinya terhadap Thomsen yang melanggar hukum bahasa Melayu sewaktu berguru dengannya. Sikap Abdullah yang menaungi bahasa Melayu daripada sebarang kebobrokan oleh orang asing mencerminkan ketokohnya juga sebagai seorang budayawan yang memelihara bahasa sebagai khazanah masyarakat.

Walaupun Abdullah merupakan kacukan bangsa India dan Arab, penghormatan dan penelitiannya terhadap bahasa Melayu sangat membuka mata. Abdullah mempelajari bahasa Melayu daripada beberapa orang guru dan telah mendalami hikayat-hikayat Melayu lama untuk mencungkil nilai dan faedah daripada bahasa ini.

“Bermula daripada orang-orang yang tersebut itulah aku telah belajar, serta bertanya akan rahsia-rahsia bahasa Melayu itu, dan mendapat barang tauladan atau petuan atau tiruan...”

...itu semuanya dari sebab usahaku bertanya-tanya dan membaca hikayat-hikayat yang dahulu kala dan karang-karangan orang tua-tua.”

Kekenduran budaya ilmu ini terjadi dek masyarakat Melayu yang mengabaikan pembelajaran bahasa mereka sendiri. Pengabaian bahasa ini dikaitkan dengan pengabaian pembangunan intelektual dan budi. *Abdullah melihat tanpa penguasaan dalam bahasa, kemajuan intelektual dalam masyarakat akan terbantut.*

Budayawan Sang Peneraju Bahasa

Kesungguhan dan daya Abdullah untuk mendalami ilmu bahasa Melayu membuatnya persoalan tentang sikap masyarakat tempatan yang tidak mempunyai semangat yang sama. Abdullah mendapati bahawa ada kekenduran pada budaya ilmu dan intelektual dalam masyarakat. Kekenduran budaya ilmu ini terjadi dek masyarakat Melayu yang mengabaikan pembelajaran bahasa mereka sendiri. Pengabaian bahasa ini dikaitkan dengan pengabaian pembangunan intelektual dan budi. Abdullah melihat tanpa penguasaan dalam bahasa, kemajuan intelektual dalam masyarakat akan terbantut (Shaharuddin, 2014). Malah, Abdullah melihat ilmu bahasa itu dengan pandangan yang symul.

“Kerana sesungguhnya bahasa itulah menjadikan manusia ini berakal dan menambahi kepandaian dan ilmunya, ... dan boleh membaiki akan dirinya sendiri, dan boleh pula mengajarkan akan orang lain; maka dengan dia itulah sahaja dijadikan Allah yang dapat mengeluarkan barang sesuatu rahsia yang dalam hati manusia.”

Justeru, kita dapat mencerakinkan bahawa pemahaman Abdullah tentang ilmu dan bahasa itu adalah sebagai tunjang pembangunan kebudayaan

masyarakat. Pemerksaan intelektual berperanan penting dalam mendorong pembangunan kebudayaan dan budi masyarakat (Alatas, 2023). Sesebuah masyarakat itu boleh dianggap mempunyai keintelektualan yang tinggi jika budaya ilmu itu disuburkan dengan pengajian bahasa yang padu. Secara tidak langsung, penguasaan bahasa itu akan memurnikan masyarakat dengan nilai-nilai peradaban yang baik.

"Adapun ilmu dan kepandaian itu menjadi tangga kepada pangkat kekayaan dan kekayaan itu membawa kepada kebesaran, maka bahwasanya segala benda yang dijadikan Allah dalam dunia ini masing-masing adalah dengan harganya iaitu dapat dinilai oleh manusia: melainkan ilmu itulah sahaja yang tiada ternilai oleh manusia akan harganya."

Keterbukaan Menerima Ilmu Baharu

Sikap Abdullah sebagai budayawan yang tidak segan untuk menghidupkan budaya ilmu dapat diperhatikan melalui keterbukaannya meraikan ilmu-ilmu baharu. Sikap ini agak menyimpang daripada kebiasaan masyarakat zaman itu yang sungguh berwaspada terhadap apa-apa pembaharuan yang dibawa orang Inggeris, termasuklah ilmu dan teknologi

yang baharu. Walaupun sering dimomok dan dicela oleh masyarakat pada ketika itu, Abdullah tetap teguh memperkasakan diri dengan mendalami dan menghargai ilmu-ilmu baharu seperti bahasa Inggeris, ilmu kira-kira, ilmu perubatan, ilmu bumi, ilmu teknologi kapal dan ilmu percetakan.

"...bukankah berguna kepada kamu sekalian ilmu kira-kira itu? Maka jikalau tidak tahu kira-kira kelak, bagaimana engkau hendak berniaga jual beli? Dan lagi pula beberapa banyak nasihat yang kuberi, tiada juga mereka itu endahkan."

Abdullah tidak memandang sesebuah ilmu itu dengan lensa siapa pembawanya tetapi setiap ilmu itu dilihat sebagai pembekal yang dapat mendorong kemajuan masyarakat. Masyarakat pada ketika itu yang sangat berpegang pada adat nenek moyang menentang keras pendirian Abdullah yang menerima segala ilmu baharu. Abdullah menganggap bahawa masyarakat Melayu zaman itu tidak maju dengan

Walaupun sering dimomok dan dicela oleh masyarakat pada ketika itu, Abdullah tetap teguh memperkasakan diri dengan mendalami dan menghargai ilmu-ilmu baharu seperti *bahasa Inggeris, ilmu kira-kira, ilmu perubatan, ilmu bumi, ilmu teknologi kapal dan ilmu percetakan.*

ilmu dan tidak boleh menghasilkan perkara-perkara baharu dek terjerat dengan adat-adat dahulu kala yang dianggap "bodoh". Bagi Abdullah, adat-adat ini tidak mendatangkan kebajikan dan pahala apatah lagi untuk memajukan peradaban masyarakat.

Budayawan Penegak Budi Dan Insani

Pada lensa beberapa sarjana dan pembaca, Abdullah sering dicemoi kerana telah mengungkapkan kritikan bertubi-tubi terhadap masyarakat Melayu. Sebagai seorang pemerhati




Foto: Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura

Edisi istimewa Hikayat Abdullah dalam simpanan NLB.
Sumber: Biblioasia.

... kita dapat lihat bahawa kritikan Abdullah terhadap masyarakat Melayu yang dianggap keterbelakangan berpucuk daripada lensa yang *empati dan menginginkan kebaikan buat masyarakat*. Abdullah merintih tentang bagaimana masyarakat Melayu yang terperangkap dalam budaya dangkal itu disebabkan ketakutan mereka terhadap raja.

yang tajam, Abdullah menilai budaya masyarakat Melayu yang dibelenggu dengan adat dan pemikiran yang tidak ke depan.

Dalam catatan *Kisah Pelayaran Abdullah*, kritikan Abdullah sangat lantang terhadap apa yang diperhatikan sewaktu berada di negeri-negeri Melayu pantai timur. Antara istilah pedas yang sering dikaitkan untuk menggambarkan kemunduran masyarakat Melayu ketika itu ialah "bodoh", "bebal" dan "malas".

Abdullah merakam bagaimana keadaan masyarakat ketika itu yang tidak mempunyai keinginan untuk memajukan diri dengan menjadi orang yang berilmu, yang malas bekerja dan enggan melepaskan budaya amalan adat-adat kolot yang merosakkan minda dan budi masyarakat Melayu.

Namun, di sebalik kritikan yang menyinggung itu ialah pemikiran yang penuh dengan hikmah dan kejernihan akal budi. Abdullah tidak memandang kemunduran masyarakat Melayu sebagai sesuatu yang terpateri dalam diri masyarakat secara alami dan naluri. Malah, Abdullah menyandarkan segala masalah masyarakat seperti kemiskinan dan "kebodohan" kepada golongan raja-raja yang zalim yang tidak menjalankan amanah dalam membangunkan masyarakat. Abdullah sangat mengeji sikap dan budaya yang diamalkan pemimpin Melayu pada zaman itu.

Abdullah mencatatkan antara kekejaman dan keserakahan yang dilakukan oleh golongan raja-raja termasuklah "menghinakan" rakyat seperti binatang, membolot harta rakyat, membunuh manusia dengan sewenang-wenang dan mengambil mana-mana perempuan dan isteri rakyat tanpa rasa takut kepada Allah. Abdullah cukup tidak senang dengan budaya yang diamalkan raja-raja Melayu yang bersifat anti-insani dan tiada faedah selain daripada menyalahgunakan kuasa raja. Abdullah memerhati budaya istana dan raja-raja yang penuh dengan kefasiqan. Selain daripada adat feodal seperti mengharamkan pemakaian berwarna kuning dan mengharamkan memakai kasut, raja-raja Melayu turut terjebak dalam kegiatan menyabung ayam, bermain judi, menghisap candu dan bertikam. Justeru, selagi

mana budaya rosak seperti itu masih berleluasa dalam kalangan golongan istana dan raja-raja, selagi itulah ia tidak akan menjentikkan perubahan baik bagi budaya masyarakat.

"... tabiat raja Melayu itu, menghinakan rakyatnya seolah-olah pada pandangannya akan rakyatnya itu seperti binatang adanya, maka sebab itulah apabila rakyatnya itu bertemu dengan dia dapat tiada hendaklah ia duduk di tanah, baik di kotor, dan lagi apabila raja-raja itu menghendaki baik anak-anak perempuan atau barang sesuatu benda rakyatnya, diambil saja dengan tiada menjadi sesuatu kesusahan atau takut kepada Allah."

Tatkala Abdullah mengapungkan kezaliman raja-raja feodal ini, kita dapat lihat bahawa kritikan Abdullah terhadap masyarakat Melayu yang dianggap keterbelakangan berpucuk daripada lensa yang empati dan menginginkan kebaikan buat masyarakat (Azhar, 2014). Abdullah merintih tentang bagaimana masyarakat Melayu yang terperangkap dalam budaya dangkal itu disebabkan ketakutan mereka terhadap raja. Masyarakat Melayu takut dizalimi Sultan sekiranya mereka cuba untuk keluar daripada kancah kemunduran. Mereka takut untuk memajukan diri dengan menimba ilmu, takut untuk mencari harta dan takut untuk membasmi adat-adat leluhur mereka (Aisah, 1996). Lantas, dapat kita fahami kekejaman raja-raja feodal Melayu dahulu telah mematahkan semangat dan mengendurkan akal masyarakat Melayu daripada memikirkan ke depan.

“...dalam antara perkara yang banyak itu terlebih yang mendatangkan celaka atas mereka itu iaitu sebab zalim dan aniaya perintah raja-rajanya, berlebih-lebihan di atas segala rakyatnya, sehingga hati rakyatnya itu menjadi seumpama tanah yang tiada berbaja lagi maka sebab itulah tiada boleh bertumbuh barang sesuatu pekerjaan, atau pengajaran, atau ilmu, atau kepandaian yang baik dalamnya...”

Cerminan sisi budayawan Munshi Abdullah yang menjunjung tinggi ihsan, sifat insani dan budi kian jelas terpancul sementelah Abdullah menasihatkan agar golongan raja-raja Melayu membaca kitab *Taj as-Salatin* yang banyak mencerahkan perihal akal dan budi. Kitab *Taj as-Salatin* ialah sebuah kitab yang melambangkan nilai antifeudal (Alatas, 2018). Abdullah mengerti dan menghargai peranan kitab *Taj as-Salatin* sebagai buku panduan tentang menjadi seorang

Meskipun nama Munshi Abdullah sering dicemari dengan kecaman sebagai seorang “pembelot bangsa” dan sindiran “paderi”, pembacaan yang lebih objektif akan mencelikkan mata kita untuk melihat *ketulusan Abdullah dalam usaha “menyelamatkan” masyarakat Melayu daripada kekhilafan.*

pemimpin yang adil, amanah dan berakal budi. Nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam kitab ini dianjurkan dan didukung oleh Abdullah untuk menentang budaya fasad golongan raja-raja yang telah menjejaskan budaya masyarakat.

Secara tuntas, apabila kita memahami konsep ‘budayawan’ dengan pengertian yang lebih luas, kita tidak akan terlepas melihat bagaimana Munshi Abdullah menepati ciri-ciri seorang budayawan yang sejati. Meskipun nama Munshi Abdullah sering dicemari dengan kecaman sebagai seorang “pembelot bangsa” dan sindiran “paderi”, pembacaan yang lebih objektif akan mencelikkan mata kita untuk melihat ketulusan Abdullah dalam usaha “menyelamatkan” masyarakat Melayu daripada kekhilafan. Sang budayawan itu sewajarnya pertama sekali harus bijak melihat

permasalahan yang bernadi dalam budaya masyarakat. Ekoran kesedaran itu, budayawan yang berbudi dan berdaya menjadi tunjang untuk mengajak kepada kemajuan dan pembangunan sahsiah dan siasah masyarakat. Demikianlah peranan yang dimainkan Abdullah yang tidak dihargai pada zamannya dan tidak disedari zaman ini.

Dalam konteks hari ini, nilai-nilai yang Munshi Abdullah bawakan dalam catatannya kekal relevan untuk kita mendepani cabaran globalisasi budaya yang melanda masyarakat Melayu. **S**

RUJUKAN

Abdul Halim Ali. (2009). Akal Budi dalam Sajak-sajak Dharmawijaya. Jurnal E-Utama, 2. http://mlc.alc.nie.edu.sg/docs/abdulhalim_ali.pdf

Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. (1965). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Singapura: Malaysia Publication Limited.

Alatas, S. F. (2018). Anti-Feudal Elements in Classical Malay Political Theory: *The Taj al-Salatin*. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 91 (1 (314)), 29–40. <https://www.jstor.org/stable/26927984>

Alatas, S. H. (2023). *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, S. M. N (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia archipelago*. Kuala Lumpur: Museums Department, States of Malaya.

Azhar Ibrahim. (2014). *Cendekiawan Melayu Penyuluh Emansipasi*. Petaling Jaya: SIRD.

Bukhari Al-Jauhari. (2001) *Taj Al-Salatin: mahkota raja-raja*. Johor Baharu: Yayasan Warisan Johor.

Shaharuddin Maaruf. (2014). *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*. Petaling Jaya: SIRD.

Shellabear, W.G. (1947). *Hikayat Abdullah*. Singapura: Malaya Publishing House Limited. Siti Aisah Murad. (1996). *Abdullah Munshi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Skinner, C. (1959). *Prosa Melayu Baharu*. London: Longmans.

Mohd Taib Osman. (2004). *Budaya dan Bahasa Melayu: Masalah dan Harapan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

BIODATA



Amirul Hakim merupakan seorang mahasiswa jurusan Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Beliau telah dilantik sebagai Sahabat Sastera 2023 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS). Sebagai seorang yang gemar akan wacana kritis, Amirul telah berkecimpung dalam dunia perdebatan selama beberapa tahun. Kini, beliau cenderung mengkaji keilmuan yang mencakupi aspek sejarah, bahasa dan sastera Melayu.

Peranan Persatuan Sastera Dalam *Kalangan Mahasiswa Di Universiti*

Annur Munirah



Pesusasteraan merupakan nadi budaya yang menjadi cerminan identiti dan warisan kita. Di Singapura, peranan persatuan pelajar dalam menyemarakkan sastera setempat amat penting. Persatuan-persatuan ini tidak hanya menjadi wadah untuk pelajar meluahkan kreativiti mereka, tetapi juga sebagai jambatan antara penulis mapan dengan penulis muda yang baru bertatih dalam dunia sastera.

Keterlibatan mahasiswa dalam organisasi budaya dan sastera

Kehidupan sebagai seorang mahasiswa di universiti adalah satu perjalanan yang bukan sahaja tertumpu pada pencapaian akademik tetapi juga membentuk individu yang seimbang dari segi emosi, sosial, dan intelektual.

Keterlibatan dalam organisasi budaya membantu mahasiswa membina keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi dan kebolehan menyelesaikan masalah secara kolektif.

Salah satu cara untuk mencapai keseimbangan ini adalah dengan melibatkan diri dalam organisasi budaya. Organisasi ini memberikan peluang kepada mahasiswa untuk mengenal, memahami dan mempromosikan warisan budaya di samping memperkaya pengalaman mereka sebagai sebahagian daripada komuniti kampus.

Organisasi budaya dan sastera di peringkat universiti atau institusi pengajian tinggi biasanya diwujudkan untuk memelihara tradisi, seni, bahasa dan adat resam sesuatu komuniti. Aktiviti seperti persembahan tarian tradisional, dikir barat, pameran seni, forum, bengkel penulisan dan penerbitan buku atau majalah dianjurkan oleh kelab-kelab ini untuk menarik minat mahasiswa. Melalui aktiviti-aktiviti ini, mahasiswa bukan sahaja dapat memahami budaya mereka dengan lebih mendalam tetapi juga mendekatkan diri dengan budaya lain.

Memupuk kepimpinan

Melalui penyertaan aktif dalam acara budaya dan sastera, mahasiswa dapat menghayati nilai-nilai warisan nenek moyang mereka dan pada masa yang sama, menanam rasa bangga terhadap identiti mereka. Selain membina kesedaran budaya, organisasi ini juga memberikan peluang kepada mahasiswa untuk mempelajari kemahiran kepimpinan dan pengurusan.

Ramai mahasiswa mengambil inisiatif untuk memegang jawatan dalam persatuan seperti presiden, setiausaha, atau bendahari, yang memerlukan mereka menguruskan pelbagai aspek organisasi. Mereka terlibat dalam perancangan acara, pengumpulan dana, pengurusan ahli dan kerjasama dengan pihak universiti. Pengalaman ini sangat berharga kerana ia membantu mereka membina keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi dan kebolehan menyelesaikan masalah secara kolektif.

- Melalui penyertaan aktif dalam acara budaya
- dan sastera, mahasiswa dapat *menghayati nilai-nilai warisan nenek moyang mereka* dan pada masa yang sama, menanam rasa bangga terhadap identiti mereka. Selain membina kesedaran budaya, organisasi ini juga memberikan peluang kepada mahasiswa untuk *mempelajari kemahiran kepimpinan dan pengurusan*.

Di samping itu, keterlibatan dalam organisasi budaya membuka peluang untuk mahasiswa membina hubungan sosial yang lebih luas. Ia menjadi ruang yang mana pelajar daripada pelbagai latar belakang bertemu, berkongsi pengalaman dan belajar untuk menghargai perbezaan antara satu sama lain. Interaksi ini, terutama dalam penganjuran acara-acara besar seperti festival budaya, membantu menggalakkan toleransi dan perpaduan dalam kalangan komuniti universiti. Hubungan ini bukan sahaja bermanfaat semasa di kampus tetapi juga menjadi asas untuk hubungan profesional dan peribadi pada masa hadapan.

Kekangan masa

Salah satu isu utama yang sering dihadapi oleh mahasiswa ialah kekangan masa. Sebagai pelajar, mereka perlu mengimbangi antara komitmen akademik, kerja sambilan dan tanggungjawab dalam organisasi. Keadaan ini kadangkala menyebabkan mereka terpaksa memilih untuk mengurangkan penglibatan dalam aktiviti budaya. Selain itu, cabaran mendapatkan sokongan dana sering menjadi halangan untuk menganjurkan program berskala besar. Mahasiswa juga menghadapi kesukaran menarik minat ahli baharu kerana kurangnya kesedaran tentang kepentingan budaya dalam kalangan rakan sebaya mereka.

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, sokongan daripada pihak universiti sangat penting. Universiti boleh menyediakan peruntukan khas bagi membantu organisasi budaya menjalankan aktiviti mereka. Selain itu, menyediakan kemudahan-kemudahan seperti dewan dan peralatan dapat meringankan beban persatuan.

Usaha seperti menganjurkan Minggu Kebudayaan atau Hari Warisan di peringkat universiti juga mampu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan budaya dalam kalangan pelajar. Pada masa yang sama, organisasi budaya dan sastera sendiri

- Di Singapura, terdapat beberapa
- persatuan mahasiswa yang giat dalam
- pelestarian bahasa dan sastera Melayu. Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu NTU-NIE (PERBAYU), Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS) dan SIM Malay Cultural and Muslim Society (SIMCMS). *Persatuan-persatuan ini memainkan peranan penting dalam memperkaya pengalaman mahasiswa melalui pelbagai aktiviti seperti bengkel penulisan, pertandingan sastera dan sesi bacaan puisi.*

perlu lebih kreatif dalam merangka program-program mereka, termasuklah memanfaatkan teknologi seperti media sosial untuk mempromosikan budaya tradisional kepada generasi muda.

Persatuan sastera Melayu di universiti-universiti Singapura

Di Singapura, terdapat beberapa persatuan mahasiswa yang giat dalam pelestarian bahasa dan sastera Melayu. Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu NTU-NIE (PERBAYU), Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS) dan SIM Malay Cultural and Muslim Society (SIMCMS). Persatuan-persatuan ini memainkan peranan penting dalam memperkaya pengalaman mahasiswa melalui pelbagai aktiviti seperti bengkel penulisan, pertandingan sastera dan sesi bacaan puisi.

■ **PERBAYU** memainkan peranan penting dalam menyatukan mahasiswa Melayu di NTU melalui aktiviti budaya dan bahasa. Mereka mengadakan pementasan, hari permainan dan pelbagai aktiviti ad hoc yang menggunakan bahasa Melayu. Kalimah Baiduri iaitu cabang bahasa PERBAYU, misalnya, terkenal dengan penganjuran acara

seperti Malam Sastera Perbayu, yang mana mahasiswa dapat mempersembahkan karya mereka dan berkongsi inspirasi dengan rakan-rakan mereka. Selain itu, mereka juga sering menganjurkan bengkel penulisan kreatif yang dikendalikan oleh penulis-penulis terkenal, memberikan pelajar peluang untuk belajar secara langsung daripada mereka yang berpengalaman.

■ **PBMUKS** juga tidak ketinggalan dalam usaha menyemarakkan sastera setempat. Mereka sering menganjurkan pertandingan penulisan esei dan cerpen, yang bukan sahaja memupuk bakat baharu tetapi juga meningkatkan kesedaran tentang pentingnya sastera dalam kehidupan seharian.

■ **SIMCMS** memberi fokus kepada pemeliharaan bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan para mahasiswa Institut Pengurusan Singapura (SIM). Mereka memanfaatkan wadah media sosial untuk memberi pendedahan terhadap aspek-aspek bahasa dan budaya seperti peribahasa, pengulasan lagu dan sebagainya.

Peranan & Tanggungjawab Persatuan Pelajar



Pendedahan dan Kesedaran

Dengan adanya pertubuhan persatuan pelajar seperti yang telah dikongsikan, ia memberi peluang untuk adanya **pendedahan dan kesedaran tentang sastra tanah air**. Melalui acara-acara yang diadakan, bukan hanya para pelajar, namun orang awam juga turut terlibat.

Pertandingan dan Anugerah

Mengadakan pertandingan sastra seperti deklamasi sajak, pertandingan menulis esei dan bercerita adalah cara yang berkesan untuk **mencungkil bakat baharu dan memberi pengiktirafan** kepada usaha pelajar dalam bidang sastra.

Penglibatan Masyarakat dan Memperluas Jaringan

Persatuan-persatuan ini bekerjasama dengan organisasi-organisasi lain dan mengadakan projek-projek sastra bersama. Hal ini termasuklah pementasan teater dan bacaan puisi umum yang dapat **menarik perhatian masyarakat luas terhadap sastra Melayu**. PERBAYU, contohnya, sering mengadakan kerjasama dengan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) untuk menganjurkan acara-acara sastra pada skala besar sempena Bulan Bahasa.

Penerbitan dan Media

Banyak persatuan pelajar menerbitkan majalah sastra atau buletin yang **memaparkan karya-karya pelajar**. Mereka juga menggunakan platform digital seperti blog dan media sosial untuk menyebarkan karya-karya sastra Melayu. Kalimah Baiduri, sebagai contoh, menerbitkan buku-buku yang memaparkan karya-karya pelajar. Hal ini sekali gus menyumbang pada perkembangan sastra Melayu.

Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran

Melalui kelas sastra dan bengkel penulisan kreatif, persatuan-persatuan ini **membantu pelajar mengasah kemahiran menulis** mereka. Hal ini termasuk latihan menulis puisi, cerpen dan esei. Persatuan-persatuan ini juga menggalakkan mahasiswa menyertai pertandingan sastra untuk memberi mereka semangat dan memberi pengiktirafan kepada karya-karya terbaik.

Pemeliharaan Budaya dan Warisan

Persatuan pelajar turut memainkan peranan dalam **memelihara bentuk-bentuk sastra tradisional** seperti pantun, syair, dan hikayat. Projek-projek yang mendokumentasikan tradisi lisan dan tulisan ini memastikan warisan sastra Melayu terus hidup.

Keterlibatan mahasiswa dalam organisasi budaya dan sastera memberikan pelbagai manfaat yang menyumbang kepada pembentukan individu yang seimbang dan holistik.



Jambatan antara penulis mapan dengan penulis muda

Salah satu usaha yang boleh diterokai adalah untuk membina jambatan antara penulis veteran dengan penulis muda. Perkara ini boleh dilakukan melalui program-program mentor yang mana penulis berpengalaman membimbing penulis muda.

Sesi dialog, bengkel bersama, dan kolaborasi penulisan boleh mengeratkan hubungan antara dua generasi ini. Melalui interaksi ini, penulis muda dapat memperoleh ilmu dan pengalaman daripada penulis veteran, manakala penulis veteran dapat menyuntik semangat baru dalam karya mereka dengan idea-idea segar daripada generasi muda.

Harapan dan masa depan

Secara keseluruhannya, keterlibatan mahasiswa dalam organisasi budaya dan sastera memberikan pelbagai manfaat yang menyumbang kepada pembentukan individu yang seimbang dan holistik. Ia membantu mahasiswa mengenali identiti budaya mereka, memupuk kemahiran kepimpinan, memperluas rangkaian sosial, dan pada masa yang sama, memainkan peranan penting dalam memelihara warisan tradisional.

Walaupun cabaran wujud, sokongan daripada semua pihak,

● Generasi muda
● yang penuh dengan
● semangat dan kreativiti akan menjadi pewaris yang memelihara api sastera Melayu agar terus menyala. Dengan sokongan padu daripada komuniti dan kerjasama antara pelbagai pihak, *sastera Melayu akan terus memainkan peranan penting dalam mencerminkan identiti dan warisan kita.*

termasuklah universiti, pelajar, dan komuniti, mampu memastikan organisasi budaya terus relevan dan memberi impak positif kepada mahasiswa. Dengan cara ini, budaya bukan sahaja menjadi elemen yang dihormati tetapi juga satu kekuatan yang menyatukan komuniti universiti yang pelbagai.

Melalui usaha-usaha yang telah dilakukan oleh persatuan mahasiswa, seperti PERBAYU, PBMUKS, dan

SIMCMS, sastera Melayu di Singapura akan terus berkembang dan kekal relevan.

Generasi muda yang penuh dengan semangat dan kreativiti akan menjadi pewaris yang memelihara api sastera Melayu agar terus menyala. Dengan sokongan padu daripada komuniti dan kerjasama antara pelbagai pihak, sastera Melayu akan terus memainkan peranan penting dalam mencerminkan identiti dan warisan kita.


Dalam dunia yang semakin moden dan global, penting untuk kita memastikan bahawa budaya dan warisan kita tidak hilang ditelan zaman. Sastera Melayu adalah cerminan identiti kita dan dengan adanya persatuan mahasiswa yang berdedikasi, kita yakin bahawa warisan ini akan terus dipelihara dan diperkaya untuk generasi akan datang. ^[S]

BIODATA



Annur Munirah, ulat buku dan pencinta bahasa. Seorang guru pelatih Bahasa Melayu yang aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan

dan acara-acara yang melestarikan bahasa dan budaya.



Suara Masyarakat

Tukang Bikin Buku

Suara Masyarakat kali ini mengumpulkan suara-suara para penerbit buku Melayu di Singapura.

Berdepan dengan pelbagai cabaran semasa, para penerbit ini tegar untuk terus menghasilkan buku-buku dalam bahasa Melayu demi memperjuangkan pengkaryaan sastera Melayu, baik untuk pembaca kanak-kanak, remaja mahupun dewasa. Setiap tahun, para penerbit ini akan menganjurkan Pesta Buku Melayu Singapura selain daripada mengunjungi pesta-pesta buku di sekeliling dunia bagi mempromosikan buku Melayu hasil tangan orang Singapura.

Encik Syed Ali Ahmad Semait
Pengarah, Pustaka Islamiyah Pte Ltd

Cik Maria Mahat
Pengasas Bersama, Ungu Pen


Encik Haron Mahmood
Pemilik, Persama Enterprise

Encik Farihan Bahron
Pengarah Kreatif, Unggun Creative

Cik Hartinah Ahmad
Penerbit, Ombak Scriphouse Production

Cik Norlin Samat
Pengarah, Poppet's World Pte Ltd

Cik Nurnazlyna Mohd Bahtiaraffandi
Pengarah, Mama, nak!





Encik Syed Ali Ahmad Semait (tengah) mengetuai delegasi penerbit buku Melayu Singapura ke Pesta Buku Antarabangsa Indonesia pada September 2024.



Encik Syed Ali Ahmad Semait (tiga dari kanan) mengetuai penganjuran Pesta Buku Melayu Singapura yang pertama pada 2019 di Wisma Geylang Serai. Gambar bersama para penerbit buku yang terlibat.

Encik Syed Ali Ahmad Semait

Pengarah, Pustaka Islamiyah Pte Ltd

“BUKU IALAH BAHAN PENYEBARAN maklumat, hiburan, ilmu, hikmah dan warisan kepada masyarakat. Buku merupakan bahan pendidikan yang paling berkesan dalam mendidik kanak-kanak dan yang buta huruf pertingkatkan pengetahuan mereka. Buku juga ialah bahan hiburan bagi yang kesepian, ilmu bagi pencari hikmah, arkib bagi sejarah dan pencetus minda kemanusiaan dalam masyarakat kita.

Penerbit buku merupakan organisasi yang menyebarkan ilmu daripada ilham atau wacana penulis kepada masyarakat umum atau kumpulan tertentu. Singapura masyhur sebagai pusat budaya dan bahasa Melayu di rantau Asia Tenggara sebelum merdeka, dan penerbit serta pencetak buku merupakan agensi penyebaran maklumat tersebut.

Selepas merdeka, status Singapura sebagai pusat bahasa dan Melayu merudum kerana penghijrahan pakar bahasa dan ilmu

ke sebarang, namun penerbit buku masih beroperasi untuk menyokong matlamat sebagai penyebar maklumat dan ilmu kepada masyarakat Singapura dan rantau Nusantara dengan teknologi yang sedia ada di Singapura.

Penerbit buku juga ialah pencungkil bakat baharu dalam penulisan dan karya kreatif penulis watan dan tugas ini akan berterusan selama ada pembaca dalam bahasa ibunda.

Walau ada wadah digital bagi penulis untuk berkarya pada masa sekarang, tugas penerbit buku dari segi suntingan dan reka letak dalam proses penghasilan sebuah manuskrip ke format buku masih diperlukan dan penting dalam ekosistem bahasa dan budaya di Singapura. Juga, penerbit buku memainkan peranan sebagai penapis karya yang baik daripada yang sederhana, dari maklumat ke ilmu dan penjaga warisan bahasa dan budaya dalam negara untuk kini dan masa hadapan.”

“Penerbit buku memainkan peranan sebagai penapis karya yang baik daripada yang sederhana, dari maklumat ke ilmu dan penjaga warisan bahasa dan budaya dalam negara untuk kini dan masa hadapan.”

Cik Maria Mahat

Pengasas Bersama, Ungu Pen

"BUKU MEMBAWA SAYA KEMBALI kepada kenangan zaman kanak-kanak apabila bapa saya membawa saya ke perpustakaan di Stamford Road untuk meminjam buku. Di situ, saya didedahkan kepada pelbagai buku. Buku yang paling saya ingat dan minati ketika itu ialah *Madeline* yang ditulis oleh Ludwig Bemelmans. Apa yang menguja saya ialah teksnya yang berima dan berirama. Menerusi buku-buku daripada siri *Madeline* dan buku-buku yang lain daripada perpustakaan, saya dapat menggunakan frasa-frasa yang menarik untuk karangan saya.

Apabila saya mendapat tempat pertama di dalam kelas atau meraih markah yang tertinggi di dalam subjek tertentu semasa sekolah rendah, saya akan mendapat hadiah buku. Di halaman dalam buku tersebut, akan ditampal sehelai kertas yang mengandungi nama saya, dan nama hadiah tersebut. Beberapa buku yang saya terima termasuk *Momotaro, the Peach Boy*, sebuah cerita rakyat Jepun yang menguji minda saya tentang logik dan imaginasi. Menerusi cerita tersebut, saya menyoalkan bagaimana kanak-kanak boleh keluar dari sebiji buah pic dan bagaimana haiwan boleh bercakap-cakap dengan manusia? Dari situ, saya sedar bahawa cerita-cerita dalam buku boleh disulami dengan keajaiban dan imaginasi yang luar biasa yang kadang kala belum terfikir oleh pembacanya.

Apabila saya meningkat remaja dan dewasa, saya mula membaca novel-novel Sidney Sheldon dan Danielle Steel, yang banyak memberi saya

gambaran dan pemikiran sesebuah masyarakat yang berpusatkan Amerika Syarikat dan Eropah. Buku-buku Sidney Sheldon saya pinjam daripada bapa saya yang juga menggemari novel-novel yang sama.

Selain daripada menulis dan menerbitkan buku, saya juga merupakan seorang pendidik dan pelatih guru-guru untuk pendidikan awal kanak-kanak. Pada tahun 2015, saya menerima maklum balas yang menyatakan bahawa masyarakat kita tidak mempunyai sumber buku dan bahan bacaan mengenai budaya dan warisan masyarakat setempat dalam bahasa Melayu untuk kanak-

“ Saya juga percaya bahawa sudah tiba masanya buku-buku bergambar dalam bahasa Melayu turut berkembang dan keluar daripada tema-tema tradisional ini untuk menyelami tema-tema baharu seperti STEM dan masyarakat global yang beradab.”

kanak prasekolah. Daripada situ, saya telah menerbitkan buku kanak-kanak dwibahasa pertama saya, *Ada Biji Saga di dalam Saku Kamil!*.

Selepas menerbitkan buku ini, saya menerima banyak maklum balas dari guru-guru dan masyarakat tempatan, khususnya mengenai kemampuan kanak-kanak Melayu dalam berkomunikasi, membaca, dan memahami bahasa Melayu. Maklum balas seperti ini menjadi dorongan utama bagi saya untuk terus berjuang dalam industri penerbitan buku, terutamanya buku Melayu untuk kanak-kanak.

Daripada pengalaman saya sebagai seorang ibu dan melalui kerja-kerja kemasyarakatan, saya juga terdorong untuk menimbulkan minat membaca dalam kalangan masyarakat Melayu setempat. Namun, apa yang saya dapati adalah bahawa sumber buku dalam bahasa Melayu untuk kanak-kanak sangat terhad, agak lapuk jika dibandingkan dengan buku-buku Inggeris dari luar negara, serta penceritaannya masih bersifat didaktik, tidak peka dengan perkembangan kanak-kanak masa kini.

Oleh itu, saya berhasrat untuk menyuntik kesegaran dan piawai yang lebih tinggi dalam penerbitan buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu kerana saya percaya buku kanak-kanak perlu lebih daripada sekadar bacaan; ia harus menarik,



Cik Maria Mahat giat menulis dan menerbitkan buku Melayu.
Foto: Berita Harian.

mendidik, dan menghiburkan bagi memupuk minat yang mendalam untuk kanak-kanak.

Saya ingin agar kanak-kanak dan ibu bapa dapat melihat bahawa bahan bacaan dan buku Melayu tempatan telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Selain mengandungi cerita-cerita yang mencerminkan budaya dan nilai-nilai tempatan yang relevan dengan kanak-kanak masa kini, kanak-kanak juga dapat melihat diri mereka dalam cerita-cerita tersebut dan merasakan kebanggaan terhadap identiti mereka.

Walaupun warisan dan budaya ialah elemen penting dalam identiti sesebuah bangsa dan perlu untuk kita terus menyemai nilai-nilai ini kepada generasi seterusnya, saya juga percaya bahawa sudah tiba masanya buku-buku bergambar dalam bahasa Melayu turut berkembang dan keluar daripada tema-tema tradisional ini untuk menyelami tema-tema baharu seperti STEM dan masyarakat global yang beradab.

Apabila COVID-19 melanda, ia membuka ruang dan peluang untuk saya mencuba sesuatu yang baharu dalam penerbitan buku tempatan, antaranya mengisi buku dengan kaedah digital seperti animasi, realiti terimbuh (AR) dan lagu melalui aplikasi dan kod QR. Kaedah begini amat menarik minat dan perhatian kanak-kanak yang sebelumnya tidak berminat untuk membaca buku Melayu, ia juga mendorong ibu bapa untuk lebih membaca buku-buku Melayu kepada anak-anak mereka.

Saya bertekad untuk terus berjuang dan berusaha keras dalam industri penerbitan, namun cabarannya masih banyak dan saya tidak terdaya untuk melakukan seorang diri. Diperlukan keterlibatan individu-individu yang berfikir terbuka dan agensi-agensi berkepentingan untuk memupuk dan terus memperjuangkan penerbitan buku tempatan yang bernilai tinggi.

Saya yakin bahawa melalui usaha-usaha ini, kita dapat membangunkan masyarakat yang lebih berpengetahuan, bermaklumat, berbangga dengan identiti mereka, dan mampu melihat ke hadapan. Tanpa buku dan bacaan, kita akan kehilangan kebijaksanaan yang penting untuk kemajuan bersama."



Encik Haron Mahmood dan isteri bekerja keras menerbitkan dan mengedarkan buku penulis setempat di samping memperoleh buku-buku dari luar negara.



Encik Haron Mahmood

Pemilik, Persama Enterprise

"BUKU MEMAINKAN peranan penting dalam membina minda untuk berfikir dengan baik demi bangsa Melayu dan masyarakat kita. Kepentingannya termasuklah mempertingkatkan literasi dan minat membaca dalam masyarakat. Buku ialah bahan yang mendokumentasikan idea melalui penulisan dalam setiap bidang. Dengan membaca, ingatan visual dapat diaktifkan. Pembaca dapat gambaran daripada kandungan buku tersebut. Hal ini dapat mendidik jiwa untuk fokus dan mendisiplinkan diri.

lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Ketika Persama Enterprise ditubuhkan pada tahun 1982, pembekal buku Melayu sangat terhad. Pembaca buku Melayu juga kurang. Dengan adanya sokongan daripada pemerintah, kami berusaha keras untuk membekal buku bahasa Melayu yang berkualiti dan sesuai khusus untuk pelajar, tenaga pengajar, institusi pendidikan, institusi pemerintah dan perpustakaan awam.

Sebelum gelombang COVID-19 melanda dunia, saya sendiri ke syarikat penerbitan di Malaysia dan Indonesia untuk pemilihan buku dan urusan pengangkutan logistik untuk kiriman ke Singapura.

Kami hanya membekal buku-buku yang relevan sahaja untuk mengelakkan pembaziran sumber tenaga dan pengurusan.

Selain itu, kami juga membekal buku-buku bacaan untuk perpustakaan di Melbourne, Australia. Persama Enterprise juga telah bekerjasama dengan Caliph Readers dalam usaha penerbitan buku."

“Buku yang berbeza genre dapat membentuk pembaca memahami keintelektualan. Buku juga boleh disifatkan sebagai khazanah yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.”

Buku juga turut menghubungkan pembaca daripada setiap lapisan dan generasi. Dalam erti lain, buku yang berbeza genre dapat membentuk pembaca memahami keintelektualan. Buku juga boleh disifatkan sebagai khazanah yang tak

Encik Farihan Bahron

Encik Farihan Bahron

Pengarah Kreatif, Unggun Creative

"BAGI SAYA, PERANAN BUKU DALAM masyarakat mungkin boleh dilambangkan sebagai rumah api yang menyuluh cahaya untuk menyinar laluan kepada para kelasi kapal yang sedang mengemudi ombak kehidupan dalam kegelitaan. Buku telah melalui suatu evolusi yang panjang; daripada goresan garis-garis di atas batu sewaktu peradaban Sumeria sehinggalah kini dibaca sebagai huruf-huruf digital di atas layar berkaca, namun peranannya tetap tekal, iaitu untuk mencelikkan akal, menjentik perasaan, menggugah pemikiran dan mencanangkan kemajuan intelektual. Buku-buku sastera yang kami terbitkan pula khususnya, berperanan sebagai alat

untuk memberi petunjuk, wadah untuk merakam semangat zaman, peranti untuk menghiburkan deria, dan juga wahana untuk menyalurkan suara-suara yang terpendam.

Mercu kegemilangan sesuatu bangsa atau ketamadunan itu bukan sahaja diukur oleh kemewahan harta, bangunan tinggi-tinggi atau kemajuan teknologi. Ia juga perlu diimbangkan dengan aset kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan. Justeru, saya menanam tekad untuk terus memperkayakan bahan-bahan sastera meskipun ada kalanya usaha ini terlalu menduga, namun saya berkeyakinan agar kewujudan bangsa dan bahasa tidak ditenggelami alur masa."



Encik Farihan Bahron semasa di Pesta Buku Frankfurt pada Oktober 2024.

“Mercu kegemilangan sesuatu bangsa atau ketamadunan itu bukan sahaja diukur oleh kemewahan harta, bangunan tinggi-tinggi atau kemajuan teknologi. Ia juga perlu diimbangkan dengan aset kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan.”

Cik Hartinah
Ahmad aktif
menerbitkan buku
pelbagai genre.



Cik Hartinah Ahmad *Penerbit, Ombak Scripthouse Production*

"BAGI SAYA, BUKU IALAH WADAH bagi mengabadikan peristiwa, sejarah dan riwayat tokoh penting dalam sesuatu zaman dengan cara lebih kekal dan selamat. Dokumen pada buku boleh dijadikan rujukan untuk generasi seterusnya. Buku yang baik akan menyuntik inspirasi kepada pembaca.

Saya mahu menghasilkan buku sendiri yang bermutu bukan sahaja dari segi isi kandungannya tapi juga persembahan reka bentuk

 **Saya mahu menghasilkan buku sendiri yang bermutu bukan sahaja dari segi isi kandungannya tapi juga persembahan reka bentuk hingga boleh dipertandingkan dan menerima anugerah. Hal ini agar dapat membangkitkan semangat penulis, terutama penulis baharu yang tidak ada pengalaman dan membantu proses menentengahkan karya mereka."**

hingga boleh dipertandingkan dan menerima anugerah. Hal ini agar dapat membangkitkan semangat penulis, terutama penulis baharu yang tidak ada pengalaman dan membantu proses menentengahkan karya mereka.

Usaha penerbit buku dapat menambah bilangan penulis dalam masyarakat. Selain buku puisi, Ombak Scripthouse juga telah menerbitkan buku tarian *Serampang 12 - Perkembangan tari Melayu di Singapura*, buku novela daripada enam orang penulis baharu selepas kursus selama satu tahun, dan buku *Rentak Rebana* daripada seorang tokoh hadrah kompiang Singapura. Kami juga telah menerbitkan buku *Nostalgia Kampung Singapura* daripada 13 orang pelakon TV dan pentas Singapura dan buku misteri *Dua Alam* yang diilhamkan oleh lima orang jururawat yang pernah bekerja di beberapa hospital di Singapura.

Saya bertekad untuk menerbitkan buku-buku yang menggembirakan penulis dan pembaca dengan reka bentuk kulit buku, jenis kertas dan tataletak yang baik.

Dorongan yang diterima menguatkan semangat saya untuk terus berjuang tatkala beberapa buku terbitan syarikat saya mendapat anugerah persuratan dan dipelawa bekerjasama dengan beberapa syarikat penerbitan di luar negara."

Cik Norlin Samat *Pengarah, Poppet's World Pte Ltd*

"POPPET'S WORLD DITUBUHKAN pada awal 2019 dengan matlamat untuk membantu kanak-kanak di Singapura memupuk keupayaan dwibahasa. Kami melakukan ini dengan menghasilkan buku kanak-kanak yang bermutu agar kanak-kanak dan penjaga-penjaga mereka berasa seronok membacanya.

Di Singapura, bahasa Inggeris adalah bahasa kerja, dan dwibahasa adalah ciri utama sistem pendidikan kita. Kanak-kanak diharapkan cemerlang dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda mereka. Sebagai orang Melayu, anak saya perlu mempelajari kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Untuk memperkenalkan anak saya kepada bahasa Melayu, saya dan suami ingin membacakan buku-buku kegemarannya dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Menterjemahkan teks yang mesra kanak-kanak secara spontan ternyata lebih mencabar daripada yang saya jangkakan. Saya ke perpustakaan awam dengan harapan dapat mencari buku kanak-kanak berbahasa Melayu yang menyeronokkan untuk dibaca namun terkejut dengan pilihan yang terhad. Melalui perbualan saya dengan rakan-rakan saya dan juga melalui tinjauan rambang yang saya jalankan, saya juga mendapati ramai lagi ibu bapa, penjaga dan pendidik yang menyedari kekurangan ini.

Dalam kalangan komuniti dwibahasa di Singapura, buku kanak-kanak dalam bahasa ibunda (Melayu) bersaing untuk mendapatkan perhatian dengan buku-buku dalam bahasa Inggeris. Malangnya, mutu buku dalam bahasa Melayu jauh ketinggalan berbanding dengan buku dalam bahasa Inggeris. Kita memerlukan lebih banyak buku dalam bahasa Melayu yang bermutu tinggi sekaligus menjadikan pembacaan suatu pengalaman

yang menyeronokkan di samping berkeupayaan mendidik kanak-kanak dan ibu bapa.

Kita juga memerlukan lebih banyak hasil kesusasteraan kanak-kanak yang mencerminkan persekitaran, adat dan kebiasaan-kebiasaan di Singapura, sambil meneroka nilai-nilai yang kita kongsi dengan warga dunia. Dengan cara ini, anak-anak kita boleh lebih menghargai warisan dan budaya kita sambil mempelajari nilai-nilai sejagat, dan jika buku-buku ini dapat diedarkan ke luar negara, orang lain di seluruh dunia boleh mendapatkan gambaran tentang cara hidup kita yang unik.

Saya memulakan Poppet dengan visi untuk mengisi jurang ini. Pengalaman saya sebagai pendidik di peringkat sekolah rendah, seorang ibu dan pengalaman saya bekerja dalam bidang pemasaran dan komunikasi memberikan saya kedudukan yang baik untuk melaksanakan ini. Gabungan semua ini telah membolehkan saya mencipta dan menerbitkan siri buku bergambar dwibahasa saya, *Ally's Adventures* atau *Pengembaraan Ally*, serta menerbitkan buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu dan dwibahasa yang ditulis oleh penulis lain di bawah naungan Poppet's World.

“Kita memerlukan lebih banyak buku berbahasa Melayu yang bermutu tinggi sekaligus menjadikan pembacaan suatu pengalaman yang menyeronokkan di samping berkeupayaan mendidik kanak-kanak dan ibu bapa. Kita juga memerlukan lebih banyak hasil kesusasteraan kanak-kanak yang mencerminkan persekitaran, adat dan kebiasaan-kebiasaan di Singapura.”

Saya ingin terus menulis buku saya sendiri, namun saya mahu memberikan impak yang lebih besar. Saya ingin mengembangkan Poppet's World untuk menjadi penerbit pilihan utama untuk kanak-kanak, penjaga dan pendidik di Singapura, dan mungkin juga di rantau ini. Melalui Poppet's World, saya telah memulakan dan ingin terus membimbing lebih ramai penulis tempatan dan serantau untuk menerbitkan buku bergambar berkualiti tinggi yang boleh mencetuskan penemuan dan pembelajaran, setaraf dengan buku-buku antarabangsa.

Maka, pada tahun 2023, saya telah menyertai kursus penerbitan buku di Oxford University. Saya dapat belajar daripada penerbit bertaraf dunia dari Amerika Syarikat dan United Kingdom. Mereka telah

menghasilkan buku dalam bahasa Inggeris yang disukai kanak-kanak dan penjaga mereka. Buku-buku tersebut memberi kita gambaran tentang kehidupan di bahagian dunia yang berbeza, dan mengetengahkan isu-isu umum yang timbul semasa kanak-kanak mula bergaul dengan masyarakat. Di samping itu, terdapat juga buku-buku yang menggambarkan nilai-nilai sejagat dan inklusiviti melalui pengalaman yang dilalui masyarakat. Pengalaman dan pengetahuan-pengetahuan inilah yang menyemarakkan semangat saya untuk terus menghasilkan buku kanak-kanak yang lebih bermutu.

Meskipun dalam dunia yang serba digital ini, saya percaya bahawa buku, khususnya yang bercetak, masih lagi mempunyai tempat dalam kalangan masyarakat amnya dan kanak-kanak, khususnya. Buku bercetak dapat menggalakkan interaksi antara ibu bapa atau penjaga dengan kanak-kanak. Pasti interaksi ini akan dapat mengembangkan keupayaan literasi kanak-kanak. Di samping itu, secara lahiriah, kanak-kanak mempunyai naluri ingin tahu dan keupayaan menyentuh bahan-bahan bacaan dapat meningkatkan motivasi mereka dan membolehkan mereka fokus pada bahan bacaan.

Buku akan tetap relevan namun, kemahiran memanfaatkan buku kanak-kanak merupakan suatu yang perlu diberikan perhatian. Kami di Poppet's World amat prihatin akan perkara ini. Disebabkan itulah kami ada menyediakan bengkel-bengkel untuk guru-guru atau ibu bapa tentang strategi memanfaatkan buku. Di samping itu, ibu bapa dan penjaga kanak-kanak perlulah tahu memilih buku agar dapat meraih manfaat daripada pembacaannya.”

Cik Norlin (paling kanan) giat menghasilkan buku bayi dan buku kanak-kanak.





Cik Nurnazlyna aktif memperkasakan buku Melayu.

Cik Nurnazlyna Mohd Bahtiaraffandi

Pengarah, Mama, nak!

“BUKU MERUPAKAN 'MAINAN' pertama yang sering diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak kecil mereka, dengan harapan si kecil mula bernesra dengan buku dan berjinak-jinak dengannya. Ibu bapa lazimnya mengutamakan kepentingan menimba ilmu melalui wadah buku. Pada awal usia anak, kebanyakan ibu bapa memenuhi ruang bermain anak-anak dengan buku selain mainan-mainan yang membantu pembesaran mereka. Tidak dapat dinafikan, ibu bapa mahu yang terbaik buat anak-anak mereka, maka inilah antara sebab ibu bapa ingin memupuk sifat rajin membaca dalam diri anak-anak.

Peranan buku berterusan mengikut peringkat usia kita. Buku selalu bersinonim dengan bilik darjah dan waktu persekolahan. Buku wadah untuk mendidik dan belajar. Buku mampu meluaskan pemikiran kita. Buku jendela untuk kita meneroka dunia dan mengenali budaya kaum manusia. Buku tidak lapuk dek waktu kerana ilmunya disampaikan turun temurun, termasuklah buku resepi nenek yang saling berganti tangan.

Buku juga melalui transformasi yang pelbagai mengikut arus dunia, khususnya teknologi. Kini, teknologi menjadikan buku lebih mudah untuk didapatkan dan sentiasa boleh dibawa melalui buku digital e-buku. Selain itu, dengan menggabungkan buku dan teknologi, seperti adanya kod imbas

🍷 **Motivasi utama saya adalah untuk memperbanyakkan buku-buku bayi dan kanak-kanak dalam bahasa Melayu yang berbentuk buku papan interaktif.”**

kepada pautan-pautan video di muka surat buku, kita dapat menjelajahi seluruh dunia hanya dari tempat duduk kita. Realiti terimbuhi juga boleh mendampingi buku dan membuatkan setiap halaman buku itu menjadi hidup. Buku akan sentiasa melalui perubahan dan pembangunannya yang tersendiri.

Motivasi utama saya adalah untuk memperbanyakkan buku-buku bayi dan kanak-kanak dalam bahasa Melayu yang berbentuk buku papan interaktif (*interactive board books*). Pada usia kecil ini, gajet bukanlah bahan bacaan yang dipilih ibu bapa. Buku papan interaktif lazimnya menjadi pilihan kerana keteguhan muka suratnya yang tidak mudah terkoyak oleh tangan-tangan kecil, di samping keseronokan interaksi yang menarik minat si kecil dan menjadikan membaca satu aktiviti amali (*hands-on activity*).

Pengalaman saya sebagai seorang ibu yang mencari-cari buku sebegini dalam bahasa Melayu tetapi dikecewakan dengan ketandusannya berbanding bahasa Inggeris, membuat

saya ingin menceburi bidang penerbitan. Apabila saya menziarahi perpustakaan tempatan beberapa tahun yang lalu, saya perhatikan bahan bacaan bahasa Melayu biasanya untuk usia tadika ke atas, tetapi tiada yang mudah untuk bayi. Kebanyakan buku diperbuat daripada kertas tipis menjadikannya mudah terkoyak oleh bayi-bayi yang baru belajar untuk menggenggam.

Maka itu, saya bermula dengan menerbitkan siri lima buku papan kecil yang bertema iaitu *Siri Mari Mengenal* khas untuk bayi kenali objek-objek yang sering dilihat di sekeliling mereka. Saya juga menyediakan beg sampingan kecil untuk ibu bapa mudah menyimpan buku-buku ini supaya boleh dibawa ke mana-mana sahaja apabila keluar berjalan-jalan dengan anak-anak mereka.

Seterusnya, saya menerbitkan buku papan interaktif pertama berjudul *Bentuk-Bentuk Bersembunyi* iaitu sebuah buku yang mempunyai penutup yang boleh dibuka tutup, untuk kanak-kanak belajar nama bentuk dan alat permainan di taman permainan.

Kemudian, saya menerbitkan buku papan mencari gambar sambil belajar kata lawan yang bertempat di kawasan perumahan Singapura yang berjudul *Baiknya Hadi!*. Saya amat bersyukur kerana buku ini berjaya menjadi Finalis untuk Singapore Book Awards 2024 bagi kategori Best Picture Book.

Saya juga telah menerbitkan buku kalis air untuk bayi yang berbentuk hati dan menerapkan sifat berkasih sayang untuk keluarga yang berjudul *Sayang Keluarga Saya*. Buku kalis air ini mudah dilap dan dicuci jika dibasahi air liur bayi.

Selain itu, ada juga *Siri Saya Bijak* yang terdiri daripada satu buku aktiviti mewarna (*Saya Bijak Mewarna*) dan satu set pakej bacaan untuk membantu belajar membaca (*Saya Bijak Membaca*).

Dalam proses percetakan sekarang ini ialah buku papan yang mempunyai enam jenis interaksi yang berjudul *Hai, Samira!*. Buku ini menceritakan pengembaraan dan kisah seorang kanak-kanak perempuan yang bernama Samira bersama-sama kawan-kawan haiwannya.

Saya berharap untuk terus menerbitkan lebih banyak lagi buku-buku papan dengan pelbagai jenis interaksi pada masa akan datang, dan memohon sokongan daripada semua.”



Majlis Bahasa Melayu Singapura